

Sultan terima zakat niaga lebih RM7 juta

2

Lebih banyak jawatan tetap guru agama

6

Air Selangor ganti 624km paip usang

6

Jelajah kerjaya bermula Jun

7

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 6 - 12 APRIL 2023

www.selangorkini.my

Bantuan Aidilfitri sebulan gaji

Penjawat awam terima sebulan gaji atau minimum RM1,000, pemimpin masyarakat pula sebulan elauan dan penggerak masjid menikmati sumbangan RM500. Buat pertama kali, kakitangan persekutuan di Selangor turut terima imbuhan RM200

MUKA 2

37,250 keluarga dapat baucar RM200

Agihan sumbangan sempena raya menerusi Jom Shopping kepada golongan berpendapatan rendah dibuat dalam masa terdekat yang boleh ditebus di pasar raya terpilih di setiap Dewan Undangan Negeri

MUKA 2



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Norita Mohd Sidek menunjukkan cek cura untuk Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dan Inisiatif Menangani Kemiskinan Haid di Sekolah dalam majlis berbuka puasa bersama warga pendidik di Shah Alam pada 4 April 2023. Foto RADIN WAZIR ►BERITA MUKA 6

pancawarna

Kalam agung tanda kekuasaan Allah

Mufti kupas hikmah, peristiwa Nuzul Quran



11

Wanita pertama jadi nazir masjid

Dr Noor Inayah giat bangunkan kafe wakaf

9

RM300 sebulan bantu keluarga B40

Ceriakan ibu tunggal, wanita sambut Ramadan, Syawal



12&13

37,250 keluarga dapat baucar RM200

SHAH ALAM - Seramai 37,250 keluarga berpendapatan rendah bakal menerima baucar beli-belah RM200 sempena sambutan Aidilfitri.

EXCO Kebajikan Masyarakat V Ganabatirau berkata agihan menerusi Jom Shopping Perayaan dibuat dalam masa terdekat bagi memudahkan penerima membuat persiapan raya.

Beliau menjelaskan RM7.450 juta dilanjutkan untuk bantuan tersebut, bertambah sedikit berbanding sebelum ini berikutan kadarnya naik sebanyak RM100.

"Ini tanda keprihatinan Kerajaan Negeri dalam membantu golongan sasar. Kita mahu semua rakyat gembira meraih hari raya tanpa ada rasa beban," katanya pada 30 Mac.

Ganabatirau memaklumkan setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) memilih pasar raya tertentu untuk memudahkan penerima menebus baucar tersebut.

Program tadabbur, imarah Ramadan

GOMBAK - Dato' Seri Amirudin Shari melancarkan program Selangor Bertadabbur 5.0 pada 29 Mac bagi mengimarah sambutan Ramadan.

Pelancaran dibuat sempena Majlis Iftar Dato' Menteri Besar bersama agensi kerajaan peringkat daerah di Dewan Seri Beringin di sini.

Beliau yang juga wakil rakyat Sungai Tua berkata program tahunan sejak 2019 itu dapat menghidupkan suasana Ramadan melalui kegiatan bermanfaat.

"Tahun ini juga setiap hari antara jam 12 tengah hari, 1 petang kita adakan program sehari satu ayat untuk manfaatkan kehidupan."

"Walaupun hanya 30 ayat, 30 hari sahaja, namun program akan jadi amalan, rujukan di samping membentuk sikap dan tingkah laku yang baik," katanya yang juga ahli parliment Gombak.

IMBAS DI SINI akbar digital minggu lepas

Terima zakat niaga lebih RM7 juta

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan menerima zakat perniagaan daripada empat syarikat korporat keseluruhan berjumlah RM7,077,692.24.

Serahan kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj itu sempena majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Al-Istiqamah, Kayangan Heights di sini pada 30 Mac.

Central Sugar Refinery Sdn Bhd yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Mohamad Zuki Wan Abdullah mendahului senarai syarikat dengan

menyerahkan zakat RM3 juta.

Pintas Utama Sdn Bhd diwakili Pengurus Eksekutif Tan Sri Ir Zainudin Karjan membayar RM1.5 juta dan Bank Islam Malaysia Berhad menerusi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Mohd Muazzam Mohamed (RM1.49 juta).

Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) membayar zakat RM1,087,692.24 yang diserahkan Ketua Pegawai Eksekutif Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim.

Keberangkatan Sultan Sharafuddin

turut diiringi Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Hadir sama, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Pengurus Majlis Agama Islam Selangor Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dan Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor Dato' Setia Prof Madya Dr Anhar Opir.

Pengerusi Lembaga Zakat Selangor (LZS) Tan Sri Ambrin Buang dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS Mohd Sabrin Mohd Sarbin turut hadir.

Pemimpin masjid, masyarakat terima manfaat

Bayaran khas raya sebulan gaji

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD & ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Penjawat awam negeri ini bakal menerima bantuan khas kewangan sebulan gaji sempena sambutan Aidilfitri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan Insentif Khas Aidilfitri Kita Selangor dibayar selewat-lewatnya pada 21 April.

"Sebulan gaji atau minimum RM1,000 kepada semua penjawat awam negeri yang sedang berkhidmat di bangunan pentadbiran Kerajaan Negeri (SUK).

"Bantuan sama akan dilebur dan dibayar kepada penjawat awam kerajaan persekutuan yang berkhidmat bawah SUK dan guru Kelas Al-Quran dan Far-

duh Ain (Kafa)," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis Rapat Rahmah Ramadan dan berbuka puasa bersama penjawat awam negeri pada 31 Mac.

Amirudin berkata insentif sebulan eluan pula diberi kepada pemimpin masyarakat lantikan negeri antaranya pengurus dan setiausaha majlis pengurusan komuniti kampung (MPKK).

Beliau berkata pegawai perhubungan perkampungan serta ketua komuniti India, penyelia Wanita Berdaya Selangor (WBS), Penggerak Belia Selangor dan ahli majlis turut menikmatinya.

Amirudin berkata penggerak masjid antaranya nazir, imam, siak dan bila-l termasuk lebih 1,600 guru sekolah rendah agama turut menikmati bantuan RM500.

Turut menerima manfaat, kakita-

ngan anak syarikat Kerajaan Negeri bukan berorientasi keuntungan seperti Yayasan Hijrah Selangor dan WBS sebanyak RM1,000 yang dibiayai syarikat induk masing-masing.

Kerajaan Negeri juga memperkenal insentif khas Aidilfitri RM200 kepada kakitangan kerajaan persekutuan yang bertugas di Selangor berpendapatan bawah RM3,000 sebulan.

"Kategori baharu (insentif) adalah kepada penjawat awam kerajaan persekutuan yang berkhidmat di Selangor dengan gaji pokok RM3,000 ke bawah.

"(Insentif ini) akan diberikan kepada kumpulan sasar yang berkhidmat pada 2023 dengan kriteria tertentu termasuk polis, tentera, guru dan jururawat yang kerja di Selangor. Ini julung kali dibuat di Selangor," kata Amirudin.

Insentif tanda cakna kebajikan

SHAH ALAM - Insentif khas sebulan gaji atau minimum RM1,000 mencecahkan penjawat awam di Selangor menjelang sambutan Aidilfitri.

Kakitangan awam Julaiha Jamaluddin bersyukur atas bantuan khas kewangan yang diumum Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 31 Mac.

Berkhidmat sebagai penjawat awam negeri selama tujuh tahun, beliau menyifatkan Insentif Khas Aidilfitri Kita Selangor memudahkan persiapan menyambut lebaran tidak lama lagi.

"Saya percaya ini satu berita yang sangat menggembirakan (penjawat

awam), tambahan pula bayaran tersebut akan dibuat pada 21 April betul-betul sehari sebelum raya.

"Boleh guna untuk beli kelengkapan raya, tidaklah terlalu mewah tetapi bersederhana. Kali ini, lebih meriah berbanding sebelum ini terikat dengan tatacara operasi piawai pandemik.

"Mungkin juga dalam kalangan kami kakitangan awam boleh beri duit raya lebih kepada ibu bapa, keluarga dan anak-anak," kata sebagai setiausaha Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) Khairul Azam Saroni pula menyifatkan bantuan tersebut

membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap penjawat awam.

"Tentu pengumuman ini bermakna dan dinanti-nanti kan penjawat awam. Sedikit sebanyak ia meringankan beban penjawat awam memandangkan banyak perbelanjaan diperlukan menyambut Hari Raya.

"Saya berterima kasih dan menghargai insentif ini. Kerajaan Selangor tidak pernah mengabaikan kebajikan penjawat awam," katanya.

Terdahulu, Amirudin mengumumkan bantuan khas kewangan kepada penjawat awam pada Rapat Rahmah Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa di Bangunan Sultan Abdul Aziz di sini.





Qiamullail Perdana

Bersama Dato' Menteri Besar Selangor

Rabu • 4:00 Pagi
12 April 2023 (21 Ramadhan 1444H)

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

Muslimin & Muslimat
DIJEMPUT HADIR

YAB Dato' Seri Amirudin Shari
Dato' Menteri Besar Selangor



INSAN
SKIM INSURANS AM SELANGOR

SELANGOR MELINDUNGI ANDA DAN KELUARGA

SKIM INSURANS PERCUMA

- PERLINDUNGAN INSURANS AM BERKUMPULAN KEPADA **6 JUTA RAKYAT SELANGOR**
- DITAWARKAN KEPADA INDIVIDU BERUMUR BERMULA DARI **30 HARI SEHINGGA 80 TAHUN**
- PERLINDUNGAN INSURANS SEHINGGA **RM10,000** UNTUK HILANG KEUPAYAAN KEKAL DAN KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN

PENDAFTARAN BERMULA PADA **1 OKTOBER 2022** SEHINGGA **30 SEPTEMBER 2023**

TEMPOH INSURANS SELAMA **12 BULAN** DARI TARIKH POLISI DIKELUARKAN

PENDAFTARAN MELALUI APLIKASI **WAVPAY** E-WALLET

*TERTAKLUK KEPADA TERMA & SYARAT

Agenzia Pelaksana: Agensi Pengendali Perkhidmatan: Ditanggung Jamin Oleh:

Satu Lagi Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor

ADAKAH ANDA LAYAK UNTUK MENDAFTAR?

- ANDA LAYAK JIKA NOMBOR KAD PENGENALAN ANDA DIDAFTARKAN DI NEGERI SELANGOR
- ATAU ALAMAT TERKINI ANDA DIDAFTARKAN DI DALAM NEGERI SELANGOR
- ATAU ANDA ADALAH PENGUNDI UNTUK NEGERI SELANGOR

BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?

- MUAT TURUN, PASANG DAN DAFTAR AKUAN APLIKASI WAVPAY E-WALLET
- KLIK PADA BANNER PROGRAM
- LENGKAPKAN MAKLUMAT SEHINGGA PROSES SELESAI

Khidmat Pelanggan

Talian 1	+60162504199
Talian 2	+60164354199
Talian 3	+60164474199
Talian 4	+60162534199
Talian 5	+60162514199

E-mel : Insanbantuan@wavpay.net
Info lanjut, sila layari www.wavpay.net

Imbas untuk muat turun aplikasi

Daftar skim insurans perlindungan RM10,000

SHAH ALAM - Penduduk di negeri ini dipelawa mendaftar Skim Insurans Am Selangor (INSAN) yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 mulai 1 Oktober tahun lalu.

Perlindungan insurans berkumpulan yang dilaksanakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ditawarkan kepada individu berusia 30 hari hingga 80 tahun.

Pemegang nombor kad pengenalan negeri ini atau pengundi Selangor layak mendaftar inisiatif berkenaan.

Pendaftaran dibuka sehingga 30 September 2023. Maklumat lanjut layari laman sesawang www.wavpay.net

Berikut langkah-langkah mendaftar INSAN:

- Muat turun aplikasi e-dompet Wavpay App Store atau Google Play
- Daftar sebagai pengguna Wavpay, isi butiran peribadi termasuk gambar depan dan belakang MyKad
- Selepas berjaya daftar, klik pada imej program INSAN
- Lengkapkan maklumat hingga selesai
- Pemohon berjaya boleh akses e-sijil insurans

Cakna kanak-kanak istimewa

Dana ditambah kepada RM5 juta

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

KLANG - Keazaman untuk meningkatkan keupayaan pendidikan kanak-kanak istimewa terbukti menerusi pertambahan peruntukan daripada RM3 juta pada tahun lalu kepada RM5 juta.

EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud berkata pelbagai program dibuat sejak 2018 bagi membantu keluarga dan guru antaranya bantuan khas Anak Istimewa Selangor (ANIS).

"Kita sedar untuk pendidikan anak-anak istimewa ini kosnya tinggi, jadi kita wujudkan pusat sokongan yang

dilengkapi pakar kanak-kanak, pembelajaran dan pertuturan," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan sambutan Hari Kesedaran Autisme peringkat negeri di Hospital Pakar KPJ Klang pada 2 April. Hadir sama, Pengurus Besar Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) Gan Pei Nei.

Turut dilancar, buku Setengah Dekad: 5 Tahun Anak Istimewa Selangor (ANIS) dan lagu khas orang kurang upaya dihasilkan komposer dan penerbit muzik Affan Mazlan.

Dr Siti Mariah menambah 100 kanak-kanak menerima pendidikan khas di Pusat Prasekolah ANIS Seksyen 7 dan Pusat Sokongan Pendi-

dikan Awal ANIS dengan peruntukan RM1 juta setakat ini.

"Sebanyak 80 peratus daripadanya kanak-kanak autisme dan mereka datang seminggu sekali untuk diberi tunjuk ajar termasuk kekemasan diri serta latihan ke tandas," katanya.

Beliau juga menegur segelintir masyarakat yang menyalahkan ibu bapa dan menganggap mereka gagal mendidik anak supaya pandai membawa diri ketika berada di luar.

"Dengan adanya sambutan ini, kita berharap masyarakat lebih tahu dan memahami cabaran yang dihadapi anak-anak ini serta peka kehadiran mereka, bukannya mencemuh," katanya.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

Klang dan Kuala Langat

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Khamis	5:53	6:03	7:10	1:19	4:24	7:23	8:32	5:54	6:04	7:11	1:19	4:25	7:23	8:32	5:55	6:05	7:11	1:21	4:25	7:25	8:34
07 Jumaat	5:53	6:03	7:09	1:18	4:24	7:22	8:32	5:54	6:04	7:10	1:19	4:25	7:23	8:32	5:55	6:05	7:11	1:21	4:26	7:25	8:34
08 Sabtu	5:52	6:02	7:09	1:18	4:25	7:22	8:32	5:53	6:03	7:10	1:19	4:26	7:22	8:32	5:55	6:05	7:11	1:20	4:26	7:25	8:34
09 Ahad	5:52	6:02	7:09	1:18	4:25	7:22	8:32	5:53	6:03	7:10	1:18	4:26	7:22	8:32	5:54	6:04	7:10	1:20	4:27	7:24	8:34
10 Isnin	5:51	6:01	7:08	1:17	4:25	7:22	8:31	5:52	6:02	7:09	1:18	4:26	7:22	8:32	5:54	6:04	7:10	1:20	4:27	7:24	8:34
11 Selasa	5:51	6:01	7:08	1:17	4:26	7:22	8:31	5:52	6:02	7:09	1:18	4:27	7:22	8:31	5:53	6:03	7:09	1:20	4:27	7:24	8:34
12 Rabu	5:51	6:01	7:08	1:17	4:26	7:22	8:31	5:52	6:02	7:09	1:18	4:27	7:22	8:31	5:53	6:03	7:09	1:19	4:28	7:24	8:34



Tengku Amir Shah berkenan menyampaikan beras 100kg kepada wakil rumah anak yatim sebelum menyerahkan sumbangan Aidilfitri Yide di Rumah Anak Yatim Dan Hidayah Al-Hijrah, Hulu Langat pada 1 April. Foto HAFIZ OTHMAN

Raja Muda serah sumbangan Aidilfitri

Rai anak yatim sambut raya

Oleh SHEEDA FATHIL

HULU LANGAT - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menyerahkan sumbangan Aidilfitri kepada 23 penghuni Rumah Anak Yatim Dan Hidayah Al-Hijrah di sini.

Pengerusi Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) Tan Sri Mazlan Mansor berkata sumbangan RM150 seorang itu bagi membantu anak yatim tersebut membeli kelengkapan untuk menyambut Aidilfitri.

"Rumah anak yatim juga pencetus tertubuhnya Yide kerana pada tanggal 21 Mei 2011 terjadi tragedi menggemparkan iaitu kejadian tanah runtuh sehingga meragut nyawa 16 anak yatim

"Rentetan itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor (Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj) menitahkan sebuah yayasan ditubuh bagi menjaga hal ehwal anak yatim di negeri ini.


"Sehingga kini, Yide mencecah usia 10 tahun dan menjunjung kasih kepada DYTM Raja Muda sentiasa memberi sokongan kepada Yide," katanya pada 1 April.

Baginda turut berkenan mendengar tazkirah Ramadan yang disampaikan Ustaz Don Daniyal Don Biyajid selain menyerahkan sumbangan infak beras 100 kilogram kepada rumah anak yatim itu.

Rumah itu juga menerima sum-
bangsan tunai RM5,000 daripada pihak
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi
Nasional (PTPTN) bagi membaiki prasa-
rana yang uzur dan keperluan keleng-
kapan akademik serta bil utiliti.

Selain itu, kegembiraan terpancar pada wajah penghuni rumah anak yatim yang membeli persiapan Aidilfitri bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Saifullah Idris, 12, dari Pertubuhan Kebajikan Ehsan Ash-Shakur (PEKEAS), Rawang gembira PKNS menaja pembelian kelengkapan raya.



"Sebelum ini, ada pihak belikan kami pakaian hari raya. Kali ini, PKNS belikan kami songkok, baju dan kasut baharu. Semua serba baharu."

Nur Qaseh Izara Aishah Abdullah, 10, pula ceria berpeluang mengunjungi Kom-

pleks PKNS di sini.
"Saya tidak pernah datang ke sini. Seronok sangat sebab dapat beli baju raya dan kasut raya dengan kawan-kawan," katanya.

Terima simpanan pendidikan

HULU LANGAT - Sebanyak RM212,000 disumbangkan syarikat Central Sugar Refinery Sdn Bhd kepada 23 rumah anak yatim seliaan Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide).

Pengerusi Yide Tan Sri Mazlan Mansor berkata sebanyak RM60,550 diperuntuk bagi pembiayaan tabung Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) anak yatim di negeri ini.

"Bakinya untuk beli kelengkapan persekolahan. Sumbangan ini memanfaat lebih kurang 900 anak yatim di seluruh negeri," katanya pada 1 April.

Terdahulu, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli menghulur sumbangan Aidilfitri di Rumah Anak Yatim Hidayah Al-Hijrah, di sini.

Mazlan berkata Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut menyumbang RM40,000 kepada 200 anak yatim seliaan Yide.

"Setiap anak yatim menerima RM200 iaitu RM150 dalam bentuk tunai manakala RM50 dimasuk ke akaun simpanan SSPN Prime," katanya lagi.

Dana RM50 juta turap jalan

SHAH ALAM - Sebanyak RM50 juta disediakan untuk menurap jalan berlubang yang dijadual bermula hujung April.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menjelaskan pihaknya sedang menunggu senarai jalan bermasalah daripada pihak berkuasa tempatan.

"Kita akan muktamadkan yang mana perlu dilaksana terlebih dahulu. Proses muktamad adalah pertengahan April dan kerja menurap bermula selepas Aidilfitri," katanya pada 31 Mac.

Sejumlah RM145 juta disediakan untuk meningkatkan sistem jaringan jalan raya bagi memberi keselesaan kepada pengguna.

Bayar cukai guna aplikasi CEPAT

SHAH ALAM - Perkhidmatan bayaran dan semakan cukai tanah serta petak yang dibilik Pejabat Tanah Galian Selangor (PTGS) tersedia dalam aplikasi Citizen E-Payment (CEPAT).

Menurut PTGS, penduduk boleh mendapatkan bil selain menambah akaun cukai tanah dan petak dalam senarai 'Ke gemaran Saya' bagi memudahkan urusan pembayaran.

Sistem itu memudahkan orang ramai membuat bayaran secara digital selain mengesan transaksi dengan merujuk satu aplikasi berdasarkan nombor akaun atau ID Hak Milik Cukai Tanah atau Petak.

"Pembayaran adalah sekali setahun iaitu mulai 1 Januari hingga 31 Mei setiap tahun," kata kenyataan pada 29 Mac.

Nyatakan nama, nombor telefon, lokasi, dan e-mel ID jika mahu membuat pertanyaan berkaitan CEPAT menerusi talian 1700-81-1418 atau e-mel kepada support@smartselangor.com.my

Hijrah tawar bantuan RM52 juta

SHAH ALAM - Seramai 4,253 usahawan India menerima manfaat pelbagai skim pembiayaan pinjaman Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) setakat Mac, kata pemangku ketua pegawai eksekutifnya.

Normaiza Yahya menjelaskan peruntukan lebih RM52 juta itu diagih kepada mereka bagi mengembangkan perniagaan menerusi tujuh skim.

"Setakat ini, sebanyak 5,645 pembiayaan diberi kepada kumpulan usahawan iaitu 45 peratus lelaki dan 55 peratus wanita," katanya baru-baru ini.

Tujuh skim berkenaan ialah i-Bisnes, Zero to Hero, Niaga Darul Ehsan (NaDI), Go Digital, i-Lestari, i-Agro dan i-Bermusim.

Laporan edisi 30 Mac-5 April yang menyebut Hijrah salur dana lebih RM52,000 tidak tepat. Kesilapan tersebut amat dikesali.

Tambah jawatan tetap guru agama

SHAH ALAM - Perjawatan guru sekolah agama di negeri ini akan dibaiki bagi memastikan kemajuan perkembangan kerjaya mereka.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihaknya giat berbincang dengan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bagi mewujudkan gred dan lebih banyak perjawatan tetap.

"Saya pun sudah bincang dengan Pengarah Jais (Dato' Mohd Shahzihan Ahmad) bagaimana mahu memperka-

sa guru berkenaan. Jika tidak, perkembangan karier (guru) akan tergugat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis berbuka puasa perdana bersama masyarakat pendidik di Selangor yang dihadiri kira-kira 700 guru di Seksyen 7 di sini pada 4 April.

Amirudin juga menyampaikan bantuan RM6 juta untuk Program Tuisyen Rakyat Selangor, Inisiatif Kemiskinan Haid di Sekolah (RM100,000), Kelab

Kebajikan Jabatan Pendidikan Negeri (RM60,000) dan Persatuan Kebajikan Bahagian Pendidikan Islam Jais (RM50,000).

Beliau menjelaskan semua guru akan dilatih dan diletak bawah pentadbiran Jais atau Yayasan Selangor dalam tempoh lima tahun.

"Ini bagi memastikan penggajian, gred dan tidak ketinggalan, perjawatan tetap diwujudkan dengan lebih banyak untuk guru agama," kata beliau lagi.

Ganti paip usang 624km

RM35 billion tingkat sistem bekalan air

Oleh FUAD HADINATA YAACOB

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memperuntuk RM35 bilion bagi menambah baik sistem dan perkhidmatan bekalan air kepada lebih sembilan juta pengguna.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya Ir Abas Abdullah berkata pelan 30 tahun itu termasuk membangunkan sumber air baharu, penggantian paip, penukaran meter paip dan tambah baik rumah pam.

"Kita fokus kepada loji yang melibat-

kan perbelanjaan RM12 bilion, penggantian paip (RM150 juta setiap tahun), penukaran meter air (RM45 juta) serta rumah pam dan kolam air (RM15 juta)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu program bual bicara Agenda Awani bertajuk Kelestarian Air: Apa 'Plan' Air Selangor pada 29 Mac.

Ir Abas berkata pihaknya juga mengganti paip usang sepanjang 624 kilometer (km) setakat ini termasuk 552km daripadanya telah diaktifkan membabitkan 262 lokasi kritis.

"Terdapat 30,000km paip iaitu 6,000 daripadanya paip usang yang dipasang



sejak 1970-an dan kita tidak guna paip ini sejak 1990-an.

"Sebanyak 55 peratus paip pecah berpunca dari paip usang. Bagi atas masalah ini, Air Selangor lakukan penggantian sepanjang 150km setiap tahun," kata beliau.

Katanya, dana RM2.97 bilion diperuntuk tahun lalu untuk menambah baik sistem bekalan termasuk mengganti paip, membina loji baru, membaik pulih kolam air, menyelenggara aset dan peralatan.

Beliau menambah peruntukan ke wangan besar dan kerja tambah baik yang dilakukan memberi kesan positif kepada syarikat penyedia perkhidmatan air terbesar itu.

30,538 permohonan tidak lengkap

KLANG - Sebanyak 30,538 permohonan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) ditolak berikutnya butiran maklumat tidak lengkap.

EXCO Kebajikan Masyarakat V Ganabatirau menjelaskan jumlah itu daripada 71,160 permohonan yang diterima setakat 29 Mac.

"Kita tolak permohonan itu kerana beberapa masalah seperti alamat tidak lengkap," katanya ketika menganjurkan majlis berbuka puasa bersama pengamal media di sini pada 30 Mac.

Beliau menambah pemohon diminta memberi maklumat tepat dan lengkap bagi mengelak permohonan ditolak ke-

rahan pemeriksaan teliti dibuat bagi memastikan penerima benar-benar layak.

Ganabatirau berkata sebanyak 25,736 permohonan daripada keluarga kurang berkemampuan diluluskan antara kumpulan baharu selain bekas penerima Kasih Ibu Smart Selangor (KISS).

Rekod dua juta milikan tanah

SHAH ALAM - Selangor mempunyai pegangan atau pemilikan harta tanah tertinggi di Malaysia iaitu hampir dua juta milikan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebanyak 1.2 juta daripadanya membabitkan pemilikan komersial dan individu.

"Manakala, 500,000 pegangan dalam hak milik strata atau milikan bertingkat. Secara keseluruhan, sebanyak 1.8 juta atau hampir dua juta pega-

ngan harta tanah di Selangor.

"Saya percaya dengan projek yang sedang berlangsung di seluruh Selangor pemilikan harta tanah ini boleh capai dua juta dalam tempoh dua hingga tiga tahun dari sekarang," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan Pusat Setempat (OSC) Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan pelancaran Hari Tanpa Tunai Pentadbiran Tanah Selangor di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 4 April.

Amirudin berkata kewujudkan OSC PTGS menjadi keperluan bagi membantu mempercepat pelbagai urusan berkaitan tanah Susulan Selangor mempunyai pegangan harta tanah tertinggi.

"Antara perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan adalah berkaitan urusan penghantaran dokumen serahan tanah dan strata, pungutan perserahan dan pembayaran cukai tanah dan fi," katanya.



RAI... EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan video TikTok ketika sambutan Hari Kesedaran Autisme peringkat negeri dan pelancaran buku Setengah Dekad: 5 Tahun Anis di Hospital Pakar KPJ, Klang pada 2 April. Foto HAFIZ OTHMAN

Buka tirai di Klang

Jelajah kerjaya bermula Jun

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

KLANG - Program Jelajah Jaminan Kerja (JobCare) yang dijalankan ke semua sembilan daerah diadakan pada Jun hingga Oktober.

EXCO pemberdayaan pekerja V Ganabatirau berkata acara tahunan itu diteruskan berikutan maklum balas positif masyarakat khususnya pencari kerja.

"Jelajah akan bermula dari Klang dan berakhir di Sabak Bernam. Tarikh dan

tempat akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya pada 30 Mac.

Beliau menambah 253 pencari kerja memperoleh pekerjaan dalam pelbagai sektor manakala secara hibrid pula melibatkan 638 pencari kerja.

Menjelaskan sektor perkilangan paling tinggi menyediakan peluang pekerjaan, Ganabatirau berkata sektor ekonomi sampingan menjadi penyumbang utama kepada peng-



rangan pengangguran.

Jelajah itu antara inisiatif Kerajaan Selangor bagi membantu golongan berkemahiran rendah, sederhana dan tinggi yang hilang pendapatan akibat pandemik Covid-19 memperoleh pekerjaan.

Tahun lalu, inisiatif kendalian Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor (UPPS) dijalankan membabitkan sembilan daerah bermula di Klang pada 26 Februari.

Tawar 30,000 peluang kerja

SHAH ALAM - Penganjuran Karnival Kerjaya Mega Selangor yang menawarkan 30,000 peluang pekerjaan kembali diadakan pada pertengahan Mei.

EXCO Pembangunan Modal Insan Mohd Khairuddin Othman berkata program itu diadakan dua hari di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang, Subang Jaya membabitkan 200 majikan.

"Pelbagai bidang ditawarkan kali ini antaranya sektor pelancongan, pembuatan, perhotelan dan hospitaliti termasuk tidak dilupakan peluang kerjaya untuk orang kurang upaya.

"Kita akan maklumkan tarikh sebenar dalam masa terdekat. Semua individu yang sedang cari kerja boleh bersiap sedia membuat 'resume' untuk dibawa ke sana," katanya pada 31 Mac.

Karnival Kerjaya Mega Selangor 2022 pada 10 dan 11 Disember tahun lalu menawarkan lebih 30,000 peluang pekerjaan pelbagai sektor melibatkan 300 syarikat ternama.

Syarikat itu antaranya Perusahaan Otomobil Nasional (Proton), Pos Malaysia, Prasarana, Puncak Niaga Holdings, Starbucks, Genting Malaysia dan agensi serta anak syarikat Kerajaan Negeri.

Galak peniaga sedia Menu Rahmah

KUALA LANGAT - Kerajaan Selangor giat menggalakkan peniaga makanan di negeri ini untuk menyertai inisiatif Menu Rahmah.

EXCO Hal Ehwal Pengguna Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata usaha itu membuka peluang kepada mereka yang kurang berkemampuan mendapatkan makanan pada harga berpatutan.

"Peniaga boleh peruntuk satu atau dua menu sesuai untuk dijual pada harga RM5 ke bawah supaya pengguna yang mampu boleh beli makanan mengikut kewangan yang mereka ada," katanya pada 29 Mac.

Pada 31 Januari lalu, kerajaan memperkenal Menu Rahmah yang menawarkan hidangan makanan pada harga RM5 dan ke bawah untuk golongan berpendapatan rendah terutama miskin tegar.

Setakat 17 Mac, sebanyak 600 premis di Selangor mendaftar untuk menawarkan Menu Rahmah secara sukarela.

Kutip 74 tan sisa makanan di bazar

SHAH ALAM - Sebanyak 73.67 tan sisa makanan dikutip setiap hari di bazar Ramadan di Selangor berbanding 50.78 tan pada tahun lalu.

Menurut Jabatan Media dan Perhubungan Awam KDEB Waste Management (KDEBWM), peningkatan 45 peratus sisa berkenaan dikutip dari bazar tujuh pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Peningkatan itu akibat tambahan petak perniagaan dan peniaga di bazar Ramadan berbanding tahun sebelum ini yang sedikit terhad berikutan impak pandemik Covid-19," kata kenyataan pada 31 Mac.

Majlis Perbandaran Klang mencatat peningkatan ketara jumlah perniagaan dengan kutipan 16.5 tan sisa sehari.

"Bagi bazar di Hulu Selangor, Kuala Selangor, Ampang Jaya, Sabak Bernam dan Petaling Jaya, ia diuruskan sendiri oleh majlis masing-masing," katanya.

RM130,000 bantuan Kembali ke Sekolah

SHAH ALAM - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) memperuntuk RM130,440 untuk program Kembali ke Sekolah pada tahun ini.

Menurut Pekawanis, sumbangan berkenaan memanfaatkan 860 pelajar di seluruh negeri dengan setiap seorang menerima RM150.

"Mereka menerima sumbangan daripada Pekawanis. Bantuan wang tunai itu disampaikan Yang Dipertua Datin Seri Masdiana Muhamad," kata kenyataan pada 1 April.

Sebelum ini, setiap penerima dalam kategori keluarga kurang berkemampuan mendapat manfaat tunai RM100 tetapi kini ditingkat kepada RM150.

PKNS edar 5,000 bubur lambuk

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mengedarkan 5,000 pek bubur lambuk kepada kakitangan dan orang awam dalam program Ramadan Kasih.

Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Korporatnya Sapna Turmudi menjelaskan sebanyak 1,000 pek diagih kepada kakitangan PKNS manakala 500 lagi untuk orang awam.

"Bubur lambuk turut diedarkan sekali lagi kepada 500 pengunjung Kompleks PKNS pada 4 April, sesi lain pada 6 dan 11 April melibatkan 1,000 pek setiap edaran.

"Menariknya, bubur ini didatangkan khas daripada Kampung Baru. Jadi, penduduk Shah Alam tidak perlu bersusah payah ke sana untuk menikmati bubur ini," katanya pada 30 Mac.

300 pek daging habis kurang sejam

GOMBAK - Sebanyak 300 pek daging pejal beku terjual tidak sampai sejam dalam program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) peringkat Dewan Undangan Negeri Sungai Tua di Medan Batu Caves pada 2 April.

Pengurus bazar rakyat Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) tidak menolak kemungkinan daging tersebut menjadi pilihan untuk berbuka puasa atau disimpan sebagai persiapan hari raya.

"Biasanya telur habis dulu, kali ini pukul 10.40 pagi daging dah habis. Bagaimanapun, 300 papan telur, 500 ayam dan 300 kampit beras habis juga pada pukul 11.30 pagi.

"Ikan dan minyak masak berbaki sedikit. Kita tutup jualan jam 12 tengah hari kerana tiada lagi pengunjung," kata Ahmad Damya Zakaria dan menambah sekitar 450 orang mengunjungi JER seawal 8 pagi.

Tumpu jualan murah di kampung

PETALING JAYA - Kawasan kampung tumpuan utama lokasi penganjuran Jelajah Ehsan Rakyat (JER) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Utama.

Wakil rakyat Jamaliah Jamaluddin berkata inisiatif itu bertujuan meringankan beban penduduk berpendapatan rendah pada Ramadan diikuti menjelang Aidilfitri.

"Istimewanya di DUN ini, kita ada kampung masyarakat Cina dan kampung tradisi Melayu. Jadi, kita anjur jualan murah di kedua-dua lokasi bagi bantu penduduk," katanya pada 1 April.

Beliau juga menjelaskan program anjuran Kerajaan Negeri itu yang bertujuan menangani isu kos sara hidup rakyat mendapat sambutan hangat.

"Memandangkan sambutan menggalakkan, sepanjang tiga kali penganjuran sebelum ini, maka kita hadkan pembelian agar semua penduduk berpeluang beli barang," katanya.

800,000 isi rumah dapat baucar raya

SHAH ALAM - Peruntukan hampir RM100 juta dibelanjakan untuk menjayakan program Jom Shopping sejak 2012 hingga kini yang memanfaatkan lebih 800,000 isi rumah.

Edisi 13-19 April mengupas bantuan kepada 82,400 isi rumah termasuk umat Islam yang bakal menyambut Aidilfitri melalui baucar bernilai RM200, meningkat RM100 berband-

ding sebelum ini.

Kali ini, inisiatif bawah Iltizam Selangor Penyayang (ISP) itu juga diperluas kepada peserta Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS).

Baucar yang turut meliputi perayaan Tahun Baharu Cina dan Deepavali bertujuan membela nasib golongan berpendapatan bawah RM3,000 sebulan. Sebelum ini, had kelayakan RM2,000 sebulan.

Pancawarna juga menyorot kisah penyanyi rock Amy yang menjual pelbagai koleksi pakaian antaranya kurta, jubah, songkok dan kebaya untuk digayakan sepanjang Syawal.

Penyanyi kumpulan Search itu ber-

niaga setiap kali Ramadan dengan membuka reruai di Publika sejak dua tahun lalu dan kali ini di The Curve Damansara, Petaling Jaya.

Dalam wawancara, Amy juga berkongsi tabiatnya makan kuih dan manisan selepas berbuka serta gemar mengunyah manisan sebelum tidur.

Selain itu, sisipan juga memuatkan tulisan kolumnis Zamir Mohyedin mengenai ilmu astronomi dalam dunia Islam termasuk penentuan kiblat. Ilmu kaji bintang itu juga menentukan bulan-bulan penting termasuk Ramadan.

Pengetahuan berkenaan mula berkembang pada zaman pemerintahan Bani Abassiyah menerusi penterjemahan kitab daripada India, Yunani dan Parsi.



Pengunjung gembira jualan murah diteruskan

Jimat belanja di bulan Ramadan

Oleh DIANA ABD WAHAB

PETALING JAYA - Penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Utama gembira dengan keputusan Kerajaan Negeri meneruskan jualan murah sepanjang Ramadan.



Penjaga bangunan Herman Abdullah, 60, bersyukur inisiatif kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dengan kerjasama wakil rakyat membantu penduduk setempat berjimat.

"Jualan murah ini bantu berjimat terutama ketika Ramadan kerana harga barang sering naik. Di sini bara-

ngan lebih murah. Ayam seekor dijual hanya RM10 seekor manakala ikan RM6 satu pek.

"Saya berharap Kerajaan Negeri terus adakan program sebegini pada masa depan untuk bantu orang ramai," katanya.

Sukarelawan Kong Kwai Moi, 67, turut gembira dengan penganjuran program seumpama itu bagi membantu golongan kurang berkecukupan dan warga emas yang tiada punca pendapatan berjimat.

"Di luar, seekor ayam boleh cecah harga RM18 tetapi di sini hanya RM10. Jadi, memang boleh berjimat memandangkan harga barang mahal."

"Saya puji adakan program pada

Ramadan kerana sediakan barang keperluan asas pada harga murah untuk rakan-rakan beragama Islam yang berpuasa," katanya.

Mereka antara pengunjung program di Gelanggang Bola Keranjang Kampung Cempaka di sini pada 1 April.

JER menawarkan ayam standard RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).

Inisiatif tersebut memanfaatkan lebih dua juta penduduk Selangor sepanjang tiga bulan pelaksanaan dari September hingga Disember tahun lepas.

40 minit

ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).

Inisiatif tersebut memanfaatkan lebih dua juta penduduk Selangor sepanjang tiga bulan pelaksanaan dari September hingga Disember tahun lepas.

Susulan sambutan menggalakkan, Kerajaan Negeri memperluaskan jualan barang asas murah ke 1,200 lokasi mulai 16 Januari hingga menjelang Mei.

Jualan telur laris dalam

PETALING JAYA - Telur menjadi barang keperluan asas paling laris dalam program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Utama.



Pengurus Fasiliti Bangunan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Mohd Ridwan Azmi berkata lebih 200 papan telur terjual dalam tempoh 40 minit sejak jualan dibuka jam 10 pagi.

"Bagi pastikan semua berpeluang

beli, kita had pembelian hanya sepanjang telur dan dua ayam untuk setiap pengunjung," katanya pada 1 April.

Beliau memaklumkan PKPS menyediakan bekalan 500 ayam, 300 papan telur, 300 pek daging, 300 pek ikan, 300 kampit beras dan 150 botol minyak masak untuk jualan murah sepanjang Ramadan.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepan),



Nazir wanita pertama

Oleh NAZLI IBRAHIM
Foto MOHD YUSNI ARIFFIN

Selepas diangkat wanita pertama menjadi nazir, Prof Datuk Dr Noor Inayah Yaakub terus melaksana beberapa projek melibatkan Masjid Ikram Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IUKL), Bangi.

Beliau menubuhkan kafe berkoncep wakaf di IUKL iaitu SweetSis Cafe. Kafe sedemikian adalah yang pertama dalam institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Mula beroperasi pada 20 Mac, kafe dengan kerjasama Perbadanan Wakaf Selangor menawarkan Menu Rahmah berharga RM2.50 hingga RM4.50 bagi satu hidangan.

Selain derma orang ramai melalui tabung Masjid Ikram, kafe itu dibangunkan hasil sumbangan badan korporat.

Selepas mewujudkan SweetSis Cafe, wanita berumur 53 tahun itu menjalankan projek kempen kesedaran mengenai kepentingan wakaf termasuk wakaf tunai bersama nazir masjid lain.

"Saya hendak semua kaum melihat masjid bukan semata-mata membawa ajaran Islam tetapi memberi kefahaman ilmu kepada bukan Islam tentang Islam," kata Noor Inayah ketika ditemui di Bangi, 20 Mac.

Program itu antaranya majlis berbuka puasa dengan pengisian ilmu bersama masyarakat setempat termasuk orang bukan Islam.

Ibu seorang anak itu yakin mampu memanfaatkan tempoh perkhidmatan sebagai nazir dengan memberi manfaat kepada masyarakat dan institusi masjid itu sendiri.

Beliau bertekad menjadikan Masjid Ikram sebagai pusat Islam tersohor yang berperanan sebagai penghubung antara universiti, masjid dan masyarakat.

Noor Inayah yang juga pengurus Lembaga Amanah Raya Trustee menjadi satu-satunya wanita menerima watikah nazir masjid daripada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.



Pelantikannya disempurnakan DYMM Sultan Selangor dalam Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Nazir dan Imam masjid seluruh Selangor di Balairung Seri Istana Alam Shah, pada 2 Mac.

Mengikut Kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Selangor) 1995, nazir mengetua pengurusan masjid termasuk memastikan kelancaran mesyuarat dan menandatangani dokumen dan cek.

Penanda aras

Secara tidak langsung, Noor Inayah meletak penanda aras baharu bagi golongan wanita dalam pentadbiran institusi agama di negeri ini.

"Jawatan utama dalam masjid belum pernah disandang wanita. Masa terima watikah, ramai nazir lain bertanya bagaimana dilantik sebab ini benda baharu. Tetapi alhamdullilah mereka sokong.

"Baginda juga ada bertitah semasa istiadat, jika ada masalah di masjid, orang akan cari nazir.

"Titah Tuanku jadi azimat saya," katanya.

Anak kelahiran Nibong Tebal, Pulau Pinang itu berpendapat pelantikannya membuktikan Islam tidak menghalang perempuan menjadi pemimpin.

"Apabila terlibat dalam pentadbiran, pengurusan dan pemantauan masjid, saya nampak sokongan diberikan Tuanku. Saya amat menjunjung kasih.

"Saya yakin ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor (Mais) yang mengesyorkan nama saya tentunya memahami maqasid syariah," katanya.

Mengimbau kembali apabila mendapat tahu dilantik sebagai nazir masjid, penasihat syariah tiga bank serta syarikat takaful ini mengaku gementar.

Presiden dan naib canselor IUKL itu menyedari tanggungjawabnya berat kerana membabitkan institusi umat Islam. Beliau sedar kepimpinan seorang nazir penting bagi memastikan sesebuah masjid terus makmur.

Selain pengalaman 25 tahun dalam pendidikan, wanita itu juga pernah bertugas sebagai peguam bela, peguam cara dan peguam syariah.

Noor Inayah berkelulusan sarjana muda undang-undang dan undang-undang syariah (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), sarjana undang-undang komersial (Universiti Bristol, England) dan doktor falsafah undang-undang (Universiti Manchester, England).

Noor Inayah juga menolak tanggapan keronnya nazir Masjid Ikram hanya jawatan tradisi disandang presiden dan naib canselor IUKL.

"Jawatan nazir Masjid Ikram bukan jawatan tradisi presiden dan naib canselor tetapi di bawah bidang kuasa Mais.

"Kuasa mutlak terletak pada mereka. Kalau mereka tidak setuju, lantikan tidak boleh dibuat walau yang dicadangkan adalah presiden dan naib canselor sekalipun," katanya.

Fadhilat teragung

Maksud

- Lailah (malam): Mula tenggelam matahari sehingga terbitnya fajar
- Al-Qadar: Kemuliaan atau ketetapan

Dafil

- Surah Al-Qadr (5 ayat). Terjemahan:
 - 1 Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam Lailatul Qadar
 - 2 Dan tahukah kamu apakah malam Lailatul Qadar itu?
 - 3 Malam Lailatul Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan.
 - 4 Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut)
 - 5 Malam itu (penuh) kesejahteraan hingga terbit fajar

Kelebihan

- Malam al-Quran diturunkan
- Malam yang istimewa, mulia dan penuh berkat
- Khusus untuk umat Nabi Muhammad SAW
- Ganjaran ibadah lebih baik daripada 1,000 bulan
- Allah ampunkan dosa kecil
- Malaikat dan Jibril turun bawa rahmat

Waktu

- 10 hari terakhir Ramadan
- Kemungkinan besar malam ganjil iaitu 21, 23, 25, 27 atau 29 Ramadan

Amalan

- Solat isyak dan subuh berjemaah
- Solat tarawih dan solat sunat lain
- Baca al-Quran
- Berzikir
- Berdoa
- Beriktikaf
- Bersedekah
- Jamu orang berbuka puasa

Doa

- “Ya Allah Ya Tuhan Kami, sesungguhnya Kamu Maha Pengampun dan amat suka akan keampunan, maka berikanlah keampunan kepadaku”.

(Riwayat Ibn Majah)

Sumber

Panduan Amalan di Bulan Ramadan, susunan Sarip Abdul, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015
“Lailatul Qadar... Carilah”, portal Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 7 Julai 2015

Ramadan datang bersama keistimewaannya, Lailatul Qadar. Ganjaran beribadat pada malam itu seumpama pahala beramal 1,000 bulan.

Pada malam penuh keberkatan itu, para malaikat termasuk Jibril turun untuk mengatur segala urusan manusia.

Junjungan besar Nabi Muhammad SAW bersungguh-sungguh mengerjakan ibadah termasuk mengajak anggota keluarga Baginda menghidupkan malam sehingga menjelang fajar.

Wartawan ABDUL RAHIM SABRI menyusun fadilat malam Lailatul Qadar bagi seseorang yang memburu kelebihan dan ganjaran pada 10 malam terakhir Ramadan.

Kalam tiada tandingan

Mukjizat teragung Nabi Muhammad SAW, al-Quran diturunkan sebagai petunjuk kepada seluruh manusia yang membezakan antara kebenaran dan kepalsuan.

Selain perintah berhubung urusan hidup sesama insan di muka bumi ini, al-Quran turut menyampaikan penjelasan tentang perkara ghaib termasuk alam barzakh, hari kiamat dan pembalasan.

Sempena sambutan Nuzul Quran, Mufti Selangor Dato' Setia Profesor Madya Dr Anhar Opir mengupas peristiwa penting ini dalam wawancara bertulis bersama wartawan NADIAH ZAMLUS pada 31 Mac.

Boleh jelaskan maksud Nuzul Quran?

Dari segi bahasa, perkataan nuzul bererti menetap di satu tempat atau turun dari tempat yang tinggi. Kata perbuatannya nazala membawa maksud ‘dia telah turun’ atau ‘dia menjadi tetamu’.

Sebenarnya penggunaan istilah Nuzul Quran ini secara majaz atau simbolik sahaja yang bermaksud pemberitahuan al-Quran. Tujuannya untuk menunjukkan ketinggian al-Quran. Nuzul Quran merujuk kepada peristiwa penurunan al-Quran seperti yang disebutkan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185.

Peristiwa Nuzul Quran berlaku ketika Ramadan, apa sebenarnya yang berlaku waktu itu?

Menurut pandangan majoriti ulama penurunan al-Quran dipecahkan kepada tiga peringkat. Pertamanya al-Quran diturunkan sekali gus sebanyak 30 juzuk daripada Allah ke Luh Mahfuz yang tidak tahu di mana letaknya.

Luh Mahfuz iaitu satu-satunya tempat yang paling mulia yang terkumpul padanya segala ketentuan Allah SWT untuk semua makhluk-Nya.

Hikmah al-Quran ditempatkan buat sementara di Luh Mahfuz. Tujuannya untuk memberi kemuliaan kepada al-Quran kerana Luh Mahfuz merupakan semulia-mulia tempat di sisi Allah.

Peringkat pertama ini juga perlu bagi menyempurnakan kewujudan Luh Mahfuz iaitu tempat bagi segala perancangan yang wujud di alam ini dan al-Quran adalah termasuk di dalam perancangan Allah ke dunia ini.

Peringkat kedua, setelah berada sekian lama di Luh Mahfuz, maka al-Quran diturunkan buat kali keduanya iaitu dipindahkan sekali gus daripada Luh Mahfuz ke Baitul Izzah yang terletak di langit dunia (langit pertama) yang mana terhimpun padanya segala rahsia dan khazanah Allah.

Penurunan kedua ini berlaku pada malam Lailatul Qadar berpandukan firman Allah dalam ayat satu surah al-Qadr yang bermaksud:



“Sesungguhnya Kami turunkannya (al-Quran) pada malam Lailatul Qadar.”

Peringkat ketiga iaitu peringkat akhir sekali, pada 17 Ramadan ketika Rasulullah mengasingkan diri di dalam gua Hira', malaikat Jibril membawa turun dari Baitul Izzah kepada Rasulullah SAW lima ayat yang pertama daripada surah al-Alaq.

Ayat itu dibaca kepada ketika Baginda dalam gua itu. Selepas itu, al-Quran terus diturunkan kepada Rasulullah secara beransur-ansur selama hampir 23 tahun iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah.

Firman Allah dalam ayat 106 surah al-Israa' yang bermaksud: “Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacakan kepada manusia dengan lambat tenang dan Kami turunkannya secara beransur-ansur.”

Terangkan lebih lanjut mengenai Luh Mahfuz dan Baitul Izzah?

Luh Mahfuz ialah tempat catatan yang ditulis padanya ketetapan sekalian makhluk sehingga hal berlakunya hari kiamat nanti. (Syarh al-Aqidah al-Thahawiyah, Ibn Abi al-'Izz al-Hanafi, halaman 263). Baitul Izzah pula ialah langit dunia. Hakikatnya tidak diketahui kerana ini ialah antara perkara ghaib.

Apa ayat pertama dan terakhir diturunkan dan apa hikmah di sebaliknya?

Ayat al-Quran yang pertama diturunkan ialah surah al-Alaq iaitu ayat satu hingga lima. Sementara ayat terakhir diturunkan pula ada

terdapat perselisihan pandangan dalam kalangan ulama iaitu:

1. Menurut pendapat Ibn 'Abbas, ayat terakhir ialah ayat riba iaitu surah al-Baqarah 278. Firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkanlah sisa riba - yang belum dipungut.” (al-Baqarah: 278).

2. Sebahagian ulama pula mengatakan bahawa ayat terakhir yang diturunkan ialah surah al-Baqarah ayat 281. Firman Allah SWT:

“Dan peliharalah dirimu daripada azab yang terjadi pada suatu hari kamu semua dikembalikan kepada Allah.” (al-Baqarah: 281)

Ketika sambutan Nuzul Quran, adakah terdapat amalan khusus untuk kita lakukan?

Tidak diriwayatkan terdapat amalan khusus untuk peristiwa itu. Tetapi kita boleh melakukan beberapa amalan-amalan umum sebagai meraikan peristiwa ini seperti majlis khatam al-Quran, ceramah menghayati al-Quran dan sebagainya.

Apa pengajaran boleh kita perolehi di sebalik peristiwa Nuzul Quran?

Peristiwa ini menunjukkan kekuasaan Allah SWT dalam penurunan al-Quran. Hikmah diturunkan secara berperingkat ini juga antaranya ialah memudahkan pensyiaran. Maksudnya hukum-hakam tidak datang serentak kepada sahabat Nabi Muhammad SAW dari segi hafalan, pemahaman dan pelaksanaannya dalam kehidupan.



Bantuan bulanan legakan rakyat

Oleh AMIN RIDZUAN ISHAK

Segar lagi ingatan Nurul Nadia Shaharuddin tentang kepahaman Ramadan tahun lalu. Tidak selalu dia dapat menyediakan hidangan bersahur dan berbuka puasa untuk lima anaknya.

Ibu tunggal berusia 34 tahun itu hidup serba serbi kekurangan. Beliau tidak bekerja dan menghidap penyakit.

Mujur abangnya prihatin dan menghulurkan bantuan bagi meringankan beban Nurul Nadia yang menetap di Seksyen 24, Shah Alam.

"Ada kalanya terpaksa jimat makanan, paling penting anak-anak diutamakan untuk berbuka dan bersahur," katanya kepada Selangorkini pada 30 Mac.

Namun, keluarga itu bertuhah pada Ramadan tahun ini. Pengumuman Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang memperkenal Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) pada Belanjawan 2022 dengan peruntukan RM108 juta melegakan Nurul Nadia.

Penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Tiga itu antara 30,000 keluarga di Selangor yang mendapat manfaat. Bantuan RM300 sebulan atau RM3,600 untuk membeli barang keperluan melegakan ibu tunggal berkenaan.

"Boleh sedia makanan untuk berbuka dan sahur, walau tidak mewah tetapi semua dapat rasa," katanya.

Program BINGKAS antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk perkongsian kekayaan. Lima belas tahun lalu, agenda kebajikan mula dirasai rakyat negeri ini susulan kemenangan gabungan parti Pakatan Rakyat dalam pilihan raya umum 2008.

Sebelum BINGKAS yang termasuk dalam



BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR

Peningkatan sebanyak RM100 itu juga tepat pada masanya. Selain berdepan masalah kenaikan harga barang, ada juga kumpulan yang baru hendak bangkit daripada dampak Covid-19



SYARAT PERMOHONAN

- ▶ Lahir atau bermastautin lebih 10 tahun di Selangor
- ▶ Pengundi di Selangor
- ▶ Mempunyai tanggungan berusia bawah 18 tahun
- ▶ Pendapatan isi rumah bawah RM3,000 sebulan

PECAHAN PENERIMA BINGKAS IKUT JUMLAH PENGUNDI DUN*

JUMLAH PENGUNDI	KUOTA
Bawah 50,000	337
50,000 - 75,000	506
75,000 - 100,000	674
Lebih 100,000	843

*Sehingga Disember 2022
Sumber Pejabat EXCO Kebajikan Masyarakat, Pekerja dan Kerajaan Prihatin

dari dampak Covid-19.

Mereka boleh membeli pelbagai jenis barang di premis terpilih. Antaranya beras, mi, telur dan minyak masak.

Bagi keluarga yang ada anak kecil serta bersekolah, lampin pakai buang, susu tepung, barang sekolah dan buku juga boleh dibeli menggunakan kad BINGKAS.

BINGKAS merupakan sebahagian daripada inisiatif memanfaatkan warga Selangor daripada bayi sehingga warga emas dilaksanakan.

Bermula tujuh paket bantuan bawah dasar merakyatkan ekonomi, jumlahnya bertambah kepada lebih 46 inisiatif setakat ini menerusi Iltizam Selangor Penyayang (ISP), seiring peningkatan pendapatan hasil urus tadbir cepak.

Di bawah ISP, Kerajaan Negeri membelanjakan lebih RM600 juta untuk

menyajakan paket memanfaatkan kanak-kanak, wanita, pelajar, orang kurang upaya, petani dan peniaga kecil dalam bidang kesihatan, pendidikan, perumahan dan keusahawanan. Tiada kumpulan tertinggal.

Enam inisiatif digariskan iaitu Iltizam Pemberdayaan Rakyat Selangor (10 program), Iltizam Kesihatan Selangor (11), Iltizam Pendidikan Selangor (7), Iltizam Perumahan Selangor (7), Iltizam Keusahawanan Selangor (5) dan Iltizam Mesra Anak Selangor (4).

Untuk memohon layari laman sesawang bingkasselangor.com dan pilih kotak daftar permohonan. Turut disertakan maklumat berhubung dokumen diperlukan untuk menjadi peserta Bingkas.

Pembayaran menggunakan e-dompet WavPay.

Talian hayat saat sukar

SERING menjaga kebajikan warganya, Selangor negeri pertama yang memperkenal paket bantuan berterusan kepada golongan sasar.

Pelbagai penerima mendapat manfaat hasil inisiatif dalam Iltizam Selangor Penyayang (ISP).

Pakej dalam ISP antara strategi Kerajaan Negeri untuk meringankan beban rakyat menghadapi saat-saat sukar.

Sejak Julai tahun lalu, bantuan RM300

sebulan atau RM3,600 setahun untuk membeli barang keperluan mengurangkan beban buat 30,000 keluarga berpendapatan rendah yang menjadi penerima Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS).

Inisiatif lain termasuk pengajuran jualan murah barang asas seperti ayam, telur ayam dan minyak masak menerusi Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor.

Berikut reaksi penerima BINGKAS yang ditemui bual pada 30 Mac oleh Selangorkini.



"Alhamdulillah bantuan ini meringankan beban keluarga kami untuk membeli barang keperluan pada setiap bulan."

Boleh kami menyimpan sedikit duit dan berbelanja untuk keperluan lain seperti pendidikan anak-anak yang penting untuk masa depan."

Norfazilah Mohd Shoid, 35
Pendamar Indah, Klang



"Kalau hendak harapkan perniagaan taufu fa yang saya buat secara kecil-kecilan memang tidak mencukupi buat kami sekeluarga."

Lebih-lebih lagi saya menghidap penyakit kronik, saya ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sedia bantuan RM300 sebulan untuk kumpulan memerlukan macam kami ini."

Muhammad Raffei Roslan, 41
Teluk Gong, Klang



"BINGKAS lebih baik kerana menerusinya lebih banyak jenis barang boleh dibeli berbanding sebelumnya ini. Ini langkah tepat kerana setiap orang berbeza keperluannya."

Mudah juga untuk memohnnya, sama seperti dengan skim bantuan lain. Asalkan cukup dokumen, dapat lulus dengan segera."


Adilah Khajis, 41
Taman Teluk Gedung Indah, Klang



"Saya ucap terima kasih kepada Kerajaan Selangor yang naikkan bantuan daripada RM200 kepada RM300, lagi banyak barang boleh kami beli."

"Saya biasa guna BINGKAS untuk membeli susu formula anak dan lampin pakai buang, kalau ada lebih boleh beli beras, telur dan bawang."


Nor Ziyana Hussin, 44
Pangsapuri Aman Perdana, Klang



"Sebagai OKU yang cacat penglihatan, tidak banyak saya boleh lakukan untuk membantu tambah pendapatan suami bekerja sebagai pengawal keselamatan."

Alhamdulillah dengan BINGKAS dapat beli barang untuk keperluan kami tujuh sekeluarga, bantuan RM300 ini besar maknanya buat kami."

Nurhazwani Amil, 36
Seksyen 24, Shah Alam



"Sebagai ibu tunggal memang mencabar menyediakan keperluan lima anak kecil, mereka memerlukan makanan berkhasiat untuk membesar seperti biasa."

Mujur ada bantuan BINGKAS tidaklah kami terputus bekalan makanan, waktu Ramadhan dapat saya sedia hidangan berbuka dan sahur."

Nurul Nadia Shaharuddin, 34
Seksyen 24, Shah Alam

Kenali penyakit hati

Agama seseorang tidak akan sempurna tanpa akhlak atau adab. Selain akidah dan fekah, ilmu tasawuf penting dipelajari bagi membersihkan jiwa sehingga terbitnya akhlak mulia.

Untuk itu Kerajaan Negeri, melalui projek buku Siri Pencerahan Selangor, menterjemah kitab penting Purification of the Heart karya tokoh Islam terkenal Hamza Yusuf.

Buku bahasa Inggeris ini, diterjemah sebagai Penyucian Kalbu: Tanda Penyakit Hati dan Penawarnya, asalnya olahan kitab Matharatul Qulub karangan Syeikh Muhammad Maulud Ya'qub dari Mauritania.

Menurut Hamza, ulama ini sangat mahir dalam bidang tasawuf seperti karangannya itu yang merujuk beberapa karya penting agamawan klasik termasuk Ihya' Ulumuddin Imam al-Ghazali.

Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE), yang menjayakan Siri Pencerahan Selangor, memberi tanggungjawab kepada Abdul Jabbar Md Salleh, 28, menterjemah karangan Hamza itu.

Wartawan NAZLI IBRAHIM berasal jawab dengan beliau secara bertulis pada 3 April mengenai usaha penterjemahan Purification of the Heart dan pentingnya panduan mengenali penyakit hati.

PENYUCIAN KALBU

Tanda Penyakit Hati dan Penawarnya



Terjemahan dan Huraian Kitab Matharatul Qulub karya Imam al-Maulud

Hamza Yusuf

Mengapa memilih buku ini?

Barisan penerbitan IBDE banyak yang tumpu kepada aspek-aspek lain, seperti politik dan ideologi. Memandangkan ilmu tasawuf dan penyucian hati tidak kurang pentingnya berbanding ilmu-ilmu lain, maka wajar buku ini dipilih.

Mengapa memilih pengarang Hamza Yusuf?

Hamza Yusuf dibesarkan di Washington, Amerika Syarikat dalam suasana Kristian Katolik. Beliau merupakan tokoh yang banyak berkelana mencari ilmu Islam daripada cendekiawan di serata dunia. Tulisannya ini menggabungkan kerencaman pengalaman dan pandangan alam seorang Barat melalui kaca mata Islam dengan baik.

Apa yang menarik mengenai karya ini pada pandangan anda?

Bagi penterjemah, meskipun karya ini diolah daripada tulisan Imam Maulud (1844-1905), ia mudah untuk dikaitkan dengan kehidupan sehari-hari pembaca zaman ini.


Dalam pengetahuan anda, wujudkah penulis tempatan menghasilkan karya sebaik atau sama hebat dengan buku Penyucian Kalbu?

Barangkali ada, tetapi saya tidak berpeluang membacanya.

Apakah cabaran ketika menterjemah karya dari segi bahasa dan lain-lain?

Buku ini merupakan terjemahan daripada Purification of the Heart yang berbahasa Inggeris, manakala Purification of the Heart pula diterjemah dan diolah daripada Matharatul Qulub yang berbahasa Arab.

Jadi saya perlu memahami kedua-dua bahasa tersebut dengan baik. Sebahagian buku ini membincangkan sudut tasawuf yang rumit, jadi terjemahannya juga rumit. Saya juga cuba menulis bait-bait



syair dalam bentuk yang mirip bentuk asalnya, tetapi ternyata agak sukar.

Apa ilmu baru yang diperoleh ketika menterjemah karya ini?

Banyak tafsir, hadis, kisah dan ilmu-ilmu yang saya dapati daripada buku ini. Saya terutamanya tertarik kepada satu perspektif yang dipetik oleh Hamza Yusuf, yang digunakan sebagai syarah, yakni bukan matan asal Matharatul Qulub.

Seorang ulama mentafsirkan ayat al-Quran—ketika dia jatuh sakit—“Manakala apa yang bermanfaat buat manusia maka ia tetap tinggal di bumi (13:17),” dengan mengatakan bahawa ayat ini menunjukkan belum masanya untuk beliau mati, merujuk kepada dirinya sebagai penyebar manfaat, maka dia layak berharap untuk terus hidup demi tujuannya itu.

Berapa lama proses terjemahan?

Terjemahannya mengambil masa sekitar enam bulan.

Adakah karya ini menyentuh cara mengenali kaedah penyucian kalbu yang betul atau sebaliknya?

Ya, ada. Hamza Yusuf menyebutkan orang yang gopoh dan melampau dalam tasawuf/tazkiyah ini antara lainnya mereka yang terseleweng apabila mereka terlalu bergelut mengelak murka Allah atau sewaktu mengejar rahmah-Nya.

Mereka mungkin akan mengikut jalan sebahagian orang yang mengutuk hampir semua orang dan semua tindakan, atau jalan para pemuda Tuhan yang jahil seperti tasawuf yang melampau sehingga merumuskan bahawa segalanya adalah satu, dan semua orang akan memasuki syurga tanpa mengira akidahnya dan sejauh mana ia menyelewengkan wahyu Allah, serta bagaimana dia berdusta tentang Allah dan sifat-Nya.

Apa mesej dan pengajaran dalam karya ini yang boleh dijadikan iktibar kepada pembaca?

Jika kita mengamati ujian dan dugaan, perang dan persengketaan lainnya serta semua aksi kezaliman di seluruh bumi, kita akan mendapati semuanya berakar di hati manusia.

Jika hati manusia sejahtera, kejahatan itu tidak akan menjadi kenyataan. Oleh itu, jika kita mahu mengubah dunia, kita tidak boleh bermula dengan memperbetulkan penampilan luaran. Sebaliknya kita perlu mengubah keadaan dalam diri kita. Daripada dunia ghaib timbulnya alam zahir. Daripada alam ghaib dalam hati terhasil semua tindakan.



Menu murah, enak bantu siswa berjimat

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **NUR ADIBAH AHMAD IZAM**

Rata-rata mahasiswa gembira dengan pengenalan Menu Rahmah, hidangan seimbang untuk tengah hari dan malam berharga pada atau kurang RM5.

Inisiatif tersebut melegakan berikutnya mereka tidak lagi dihimpit kebimbangan terhadap isu harga mahal jika membeli juadah di bazar Ramadan.

Usaha itu juga akan diperluas ke 20 institusi pengajian tinggi di Lembah Klang melalui inisiatif Kafe Rahmah selepas Aidilfitri. Kafe itu menawarkan makan tengah hari percuma manakala potongan 50 peratus untuk sarapan dan makan malam.

Tinjauan di Shah Alam mendapati Menu Rahmah menjadi pilihan pelajar atas faktor enak, murah dan bermutu. Inisiatif itu membantu mereka menampung kenaikan harga makanan selepas era Covid-19.

Hidangan tersebut

mengandungi nasi, satu sumber protein sama ada ayam atau ikan serta sayuran.

Inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Kos Sara Hidup (KPDN) itu digerakkan pengusaha kedai makan dan persatuan restoran secara sukarela tanpa melibatkan peruntukan kerajaan.

Sambutan hangat

Sejak diperkenal pada 31 Januari, Menu Rahmah mendapat sambutan hangat orang ramai khususnya golongan berpendapatan rendah (B40).

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri & Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub, lebih 15,000 restoran menyediakan menu sedemikian di premis masing-masing.

Di Selangor, pelancaran menu tersebut dibuat pada 3 Mac. Semakan di laman sesawang kementerian itu menurahmah.kpdn.gov.my setakat 3 April mendapati 244 premis menawarkan inisiatif berkenaan.

Menu itu sebahagian inisiatif bawah Payung Rahmah yang turut meliputi Jualan Rahmah, Bakul Rahmah, Pakej Rahmah dan Kafe Rahmah.

Kementerian Pengajian Tinggi juga memperkenal Menu Siswa Rahmah bernilai RM3.50 untuk satu hidangan bermula pada 16 Mac di 20 universiti awam dan politeknik seluruh negara. Seramai 320,000 mahasiswa daripada keluarga B40 mendapat manfaat.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut pernah merasa sendiri hidangan itu di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 17 Mac.

Berikut reaksi beberapa mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam pada 21 Mac berkaitan Menu Rahmah, dua hari sebelum Ramadan.

“Harga makanan di sini berpatutan, sedap dan kualitinya bagus untuk kenyang. Harga makan sesuai untuk pelajar. Kalau dalam UiTM, macam ni dah RM6 atau RM7. Yang ini sekali dengan air.”

Muhammad Aminuddin Saidin, 22
siswa Fakulti Alam Bina



“Makan dekat sini bolehlah, sedap dan murah. Boleh tolong pelajar berjimat. Sekarang ni kos hidup semakin tinggi. Harap diteruskan dalam Ramadan, sebab boleh tolong pelajar.”

Fatin Syafiqah Anwar, 23
siswi Fakulti Kejuruteraan Awam

“Ramai pelajar makan (Menu Rahmah) sebab jimat. Sangat berbaloi dan sedap. Saya selalu datang ke sini untuk makan sebab harga murah. Ia sesuai untuk B40 sebab harga barang banyak naik. Saya cari makanan yang murah-murah semasa bulan puasa.”



Muhammad Nur Hadi Md Yusof, 24
siswa Fakulti Sains Sukan

“Kalau dekat sini dapat harga murah, air boleh ulang tambah. Kalau di UiTM Seri Iskandar, nasi macam ini boleh dapat RM2.50, tapi di sini RM6. Jauh beza harga dia. Kalau belanja sehari di sana bawah RM10 sehari, tapi kalau di sini RM9 sekali makan.”



Muhammad Aizat Ma'amor, 22
siswa Fakulti Alam Bina



Kata dalam Fibonacci

Oleh BENEDICT ANAK SAMLING
Ilustrasi FAHMI MUSTAFFA

Rumah usang di kaki gunung. Langit mendung. Aku melangkah tidak beritma. Keputusasaan membengkak. Ketakutan melarat. Keperitan mencengkam. Kesunyian melebar. Kesempitan. Wajah yang jatuh. Kukutip tidak tercapai. Kugenggam tidak tergapai. Langkah terhenti-henti. Tanganku kaku. Mampukah aku menghabiskan ayat ini?

Sepi. Sepi atau aku yang tuli? Jiwaku melihat bukan mataku. Wilayah terabai petanda kehidupan purba. Sekarang, tiada apa-apa. Di mana-mana tiada apa-apa. Ketakutan yang hidup, angin tidak bernafas.

Dub, dap, dub, dap!

Hanya degup jantungku yang berkata-kata. Kepada siapa kata-kata itu dituju? Tiada siapa yang menyambut. Lututku jatuh ke dalam kolam kekecewaan. Pengabaian ini tidak disedari. Menyusup. Perlakan-lahan. Tidak ternampak oleh mata, tetapi jiwaku. Pereputan merebak. Tidak tertanggung olehku. Aku terfikir-fikir, mungkin masih ada sisa-sisa waktu. Aku tersilap. Aku harus bersedia! Tetapi bagaimana?

Matahari bangkit. Muram. Gelisah. Berlegar-legar di puncak gunung. Bergolek ke lembah. Terus membenamkan wajahnya di lembah rahsia. Tidak bangkit-bangkit. Masyarakat manusia tahu kenapa. Asbabnya. Pura-pura tahu atau memang tidak tahu?

Aku masih di atas lututku. Keperitan meluncur dari pipi. Jatuh berderai. Semuanya. Hancur. Tidak tercapai tangan yang kaku ini. Tiada apa-apa mampu menghalang deraian yang terus meresap hilang di atas tanah yang kontang. Andai dapat dihalang, ia akan berhenti. Aku akan berhenti. Nafasku akan terhenti. Tanganku akan terhenti. Ayat ini akan tergantung.

Harus aku lepaskan. Tidak! Mataku akan terbuka. Bila? Bila aku melepaskan kata-kata. Kata-kata yang bagaimana? Sayup-sayup. Meletus tidak pada lidah. Hanya di halaman jiwa. Mengapa? Itu seharusnya. Masyarakat manusia suka.

Bukan perspektif. Bukan naratif. Minda ini kualitatif sifatnya. Berganda-ganda. Sangat sensitif. Jiwa ini kuantitatif. Berkumulatif. Berlingkar-lingkar. Seperti lingkaran Fibonacci. Boleh dirumuskan seperti berikut: Susunan nombor yang menghubungkaitkan nilai fizik, statistik, bioinformatik, astronomi, kriptografi, abstrak, algebra, geometri dan kimia. Ah! Semakin dalam semakin rumit. Manusia suka kerumitan. Semakin rumit semakin nikmat. Kata sekerat dua. Bukan semua. Ya, alasan yang bermuka-muka. Bermuka-muka seperti dinding menutupi kota minda. Tebal tidak tertembus. Membangun tembok kemurungan. Setebal tembok Iskandar Zulkarnain? Tidak! Dinding terbina dari bata-bata kekusutan, keperitan dan kesengsaraan. Hancur. Minda berderai.

Udara statik. Realistik. Rembesan jiwa terenkapsulasi. Menjadi teras. Menjadi keras. Titisan hujan berselerak di dalam kabus. Kabus menjadi kabut. Kabut serabut menenggelamkan jiwa masyarakat manusia. Dan jiwaku. Mataku di dalam kabut. Lidahku menadah debu. Jeritan terlarut di dalam kabus. Menanti masyarakat manusia. Menghulurkan tangan. Tiada siapa-siapa. Tangan mencengkam baju di bawah daguku. Cengkaman yang padat. Menggilil tubuhku. Jerit terseksa. Matahari benamkan wajah sedalam-dalamnya. Matahari menguncupkan ekornya. Matahari dilingkar. Lingkaran Fibonacci menggilil. Terjerut. Terheret. Sumbat. Padat. Siapa yang akan faham?



Di luar lingkaran, aku sempurna. Tiada siapa harus tahu. Kesepian yang melanggar jiwaku. Masyarakat manusia tidak harus tahu. Andai tahu, apakah mereka menghulurkan jari-jemari? Mereka tidak akan masuk ke dalam lingkaran ini. Mereka tidak mungkin nampak. Sudah aku lakarkan petanda pada kabus. Ya, petanda! Mereka tidak nampak atau tidak tahu atau tidak mahu tahu. Itu masyarakat manusia. Masyarakat yang terbuai-buai dengan kata-kata, dengan paras rupa.

Terasing. Derita. Sepi. Rumit.

Kalimat itu berlipat di udara masin. Memasuki ruang. Ruang yang sempit. Gelap. Menusuk baunya. Menebuk pangkal hidung. Sepi yang menyakitkan. Deru angin memadatkan lubang sekecil jarum. Angin menghantar dingin. Mata mengerjap-ngerjap. Mencari sehelai cahaya. Cahaya bawa petanda. Percaya? Harus difikir-fikir semasak-masaknya.

Tidak mungkin aku tidak bersuara. Petandanya ada di sana. Aku tidak dapat mengabaikan dunia yang semakin runtuhan ketika masyarakat manusia berjalan tunduk. Masyarakat manusia memandang ke dalam. Tidak! Mereka memandang jauh ke luar dunia. Aku masih menghulur tangan. Mencari-cari jari-jemari. Mereka tolak ke tepi. Mereka takut jari-jemari mereka juga kaku sehingga tidak mampu mengetuk papan kekunci.

Aku? Huh! Memandang sesiapa yang terpandang. Andai sahaja ada mata yang bertemu. Mata? Sepasang bebola yang bersinar aneh itu dileret ke matahari. Matahari tenggelam jauh ke lembah. Nafasku berdesir. Tersekat-sekat. Mataku terbuka lebar. Ketakutan dalam kesepian. Jantungku berdegup kencang. Ketakutan menyelimuti jiwaku.

Dup! Dap! Dup! Dap!

Berdetak kencang jantungku. Suaraku tenggelam. Terlarut. Berterbangan. Di bawa angin kencang. Bisikan angin merengut perhatianku. Kembali ke alam realiti. Masyarakat manusia bergelak ketawa. Berkumpul riang. Ketawanya pada kecurangan. Ketawanya pada kegagalan. Ketawanya pada pertelingkahan.

Ketawanya pada pertumpahan kata-kata. Siuman yang dilengah-lengahkan.

Tangisan berkumandang. Tanpa titisan air mata. Semuanya berderai. Kota yang musnah. Kota yang mati. Tiada terselamat. Tiada pertolongan. Hancur. Tidak terbangkit. Ada yang bangkit berkelahi dengan matahari. Kalah. Kecundang.

Aku berundur. Kaki membawaku pergi. Jauh. Jantung berdetak sekencang angin pasat. Mataku mendung. Jiwaku berkedut. Aku harus pergi. Tempat ini terasing. Aku harus pulang. Langkahku harus jangkau lingkaran. Pergi. Laju. Tidak tertangguh lagi. Pulang.

Sungguh tidak mengerti mengapa begitu sukar untuk aku melangkah ke rumah. Matahari telah menghalau tubuhku. Angin mengheret jiwaku. Mengapa hanya pada saat ini aku menjekak kaki ke dalam ruangan yang kupanggil rumah ini? Gelap. Langkahku laju. Di dalam kamarku. Sepi. Sepi yang merayap di setiap sudut, di dinding, di langit-langit dan berjuntai pada jendela. Hening. Haruskah aku pergi? Mengejar matahari.

Aku terduduk. Dingin lantai menusuk ubun-ubun. Kegelapan menyapa. Memejam mata. Kegelapan terpekat. Sempurna gelapnya. Denyut saraf menembus kulit. Pedih bisanya menyerap.

Tok! Tok! Tok!

Ada jalur cahaya membelah kegelapan. Pintu terbuka. Perlakan. Semakin terbuka. Luas. Terpacak. Kanak-kanak berambut kerinting seperti gula-gula kapas memeluk teddy bear putih memandang tepat ke wajahku tanpa kerdipan tanpa sapaan lalu melepaskan teddy bearnya dan bersila dihadapanku. Memegang pipiku. Jari-jemarinya menyentuh matakku. Saraf-saraf otakku bertengang. Bersambung. Sinar wajahnya hangat. Jiwaku disirami kehangatan. Damai.

Kulit wajahku basah. Mataku sehangat sinar wajah kanak-kanak itu. Damai. Wilayah mindaku hidup. Tersiram lautan kasih. Kanak-kanak itu memegang erat pipiku. Memandang ke dalam mata. Menghantar pesanan dari jiwanya. Melawan kegelapan. Menghidupkan cahaya. Tabah. Gagah. Langkah. Sembuh. Harapan.



PANTAU... Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub (kiri) meninjau barang keperluan di sebuah pasar raya di Batu Pahat, Johor pada 2 April. Foto BERNAMA

Pencarum KWSP terus nikmati dividen

Boleh pinjam hingga RM50,000

SHAH ALAM - Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berusia 40 ke atas yang ada tabungan minimum RM3,000 dalam Akaun 2 layak membuat pinjaman bank mulai 7 April.

Mereka boleh membuat pembiayaan kewangan maksimum RM50,000 tetapi tertakluk kepada baki Akaun 2 manakala tempoh bayaran balik sehingga 10 tahun.

Pinjaman itu boleh dibuat melalui Bank Simpanan Nasional dan MBSB Bank yang menetapkan kadar faedah (konvensional) atau kadar keuntungan (Islamik) antara empat hingga lima peratus.

KWSP yang memperinci mekanisme Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun

atau 55 Tahun menyebut kadar itu lebih rendah berbanding pasaran semasa iaitu lapan hingga 15 peratus.

Jumlah pinjaman pula hanya dibayar kepada bank apabila pencarum mencapai umur pilihan antara 50 hingga 55 tahun berdasarkan pilihan masing-masing.

Jika memilih umur 50 tahun, KWSP akan membayar prinsipal dan dividen terkumpul dalam Akaun 2 kepada bank pada mana-mana peringkat usia pilihan antara 50 hingga 54 tahun.

Sekiranya pencarum memilih usia 55 tahun, prinsipal dan dividen terkumpul dalam Akaun 2 akan dibayar kepada bank pada umur berkiraan.

"Jumlah yang dibayar akan digunakan untuk menjelaskan baki pem-

biayaan peribadi, sekiranya ada, sebelum memulang sebarang lebihan kepada ahli (pencarum)," kata kenyataan pada 3 April.

Meski membuat pinjaman, simpanan pencarum kekal dalam Akaun 2 dan terus menikmati dividen tahunan.

KWSP juga mempertimbang untuk menambah bilangan institusi tersebut pada masa depan. Bagi ahli KWSP berusia bawah 40 tahun, mekanisme akan diumum dalam masa terdekat.

Pada 9 Mac, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim membenarkan pencarum yang berdepan isu kewangan menggunakan simpanan dalam KWSP sebagai cagaran kepada bank untuk membuat pinjaman.

4,300 doktor diserap tahun ini

SHAH ALAM - Seramai 4,300 daripada 20,333 doktor lantikan kontrak di seluruh negara diserap ke jawatan tetap mulai tahun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata proses itu dibuat berperingkat dengan mengambil kira kesan kewangan kerajaan dan ia dijangka selesai dalam tempoh tiga tahun.

"Tidak ada sama sekali niat untuk meremehkan kerana doktor kontrak berkhidmat dengan baik, berkorban masa dan tenaga, selain negara memang memerlukan (mereka).

"Pelantikan ke jawatan tetap yang diserap daripada pegawai kontrak pula bernilai RM1.1 bilion," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 4 April.

Menteri kewangan itu berkata peruntukan emolumen RM19.7 bilion disediakan kepada Kementerian Kesihatan, meningkat RM3 bilion berbanding 2022.

"RM3 bilion pertambahan emolumen termasuk RM1.2 bilion (bagi) kenaikan gaji tahunan selain dana tambahan bagi keperluan pegawai kontrak bernilai RM600 juta," katanya.

RM170 bilion komitmen pelaburan

SHAH ALAM - Malaysia meraih komitmen pelaburan bernilai RM170 bilion dari China, jumlah terbesar dari republik itu setakat ini.

Pelaburan tersebut hasil 19 memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai antara perniagaan di China dan Malaysia, lapor Bernama.

Menyaksikan pertukaran 19 MoU antara syarikat terlibat, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan minat berkenaan menunjukkan keyakinan pelabur terhadap negara ini.

"Ini acara besejarah. Ia baik untuk Malaysia dan masa depan," katanya pada Forum Perniagaan Malaysia-China yang dihadiri sekitar 1,000 pemimpin perniagaan kedua-dua negara pada 1 April.

Tambah elaun untuk pegawai perubatan

SHAH ALAM - Elaun tambahan diperluas kepada pegawai perubatan enam klinik kesihatan yang terlibat dalam projek rintis bagi menangani kesesakan di hospital.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata peluasan itu merangkumi selepas waktu pejabat di klinik kesihatan dan jabatan kecemasan hospital selain hujung minggu, lapor Bernama.

"Saya juga arahkan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kawangan untuk kaji kemudahan ini supaya ia dipanjang kepada semua selain pegawai perubatan," katanya di Dewan Rakyat pada 1 April.

Beliau menjawab soalan tambahan Ahli Parlimen Datuk Seri Wilfred Madius Tangau yang mahu tahu sama ada kerajaan bercadang untuk menaikkan jumlah elaun 'on call' kepada doktor.

Harga runcit minyak masak kekal

SHAH ALAM - Kerajaan dan pihak industri setuju untuk mengekalkan harga runcit minyak masak tulen untuk tempoh 8 April hingga 7 Mei ini bagi memastikan keperluan pengguna tidak terjejas menjelang sambutan Aidilfitri.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata harga runcit maksimum bagi minyak masak kelapa sawit tulen (botol) adalah RM 6.90 bagi kuantiti 1 kilogram (kg), RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) dan RM 30.90 bagi 5kg, lapor Bernama.

"Pengekalan harga runcit minyak masak sawit kemasan botol ini melibatkan pembayaran subsidi kepada pengilang-pengilang penapis secara tuntutan bayaran balik berdasarkan nilai tuntutan sebenar.

"Pihak yang menjual melebihi harga maksimum boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencautan 2011 dan boleh dikenakan penalti," katanya.

Lulus 20,003 permohonan guru

SHAH ALAM - Sebanyak 20,003 permohonan pertukaran guru kategori pasangan berjauhan diluluskan antara 2016 hingga tahun lalu.

Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berkata jumlah itu meliputi 52.7 peratus keseluruhan 37,941 kelulusan permohonan pertukaran guru.

Beliau menjelaskan permohonan melibatkan kategori pasangan berjauhan mencatat peratus kelulusan tertinggi berbanding kategori lain.

"Kami sentiasa memberi keutamaan kepada permohonan yang melibatkan pertukaran daripada kategori pasangan berjauhan," katanya pada 28 Mac.

Pupuk kesedaran pulihara air

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) melancarkan kempen 'Wira Penjimat Air' bagi memupuk kesedaran pemuliharaan air dalam kalangan generasi muda.

Kempen selama setahun melibatkan penyertaan pelajar berusia tujuh hingga 17 tahun bagi memastikan kemampuan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Air Selangor memasang papan peraturan dan demonstrasi di tapak untuk pelajar mengetahui lebih lanjut tentang tip dan amalan pemuliharaan air dengan cara yang menyeronokkan dan interaktif."

"Satu pertandingan turut diadakan bagi menjana idea yang lebih kreatif dan penglibatan aktif pelajar bagi pemuliharaan air," kata kenyataan pada 31 Mac.

Dalam kempen tersebut, wakil pelajar dilatih sebagai jurucakap awam untuk Air Selangor sebagai 'wira' penyebaran maklumat penjimat air melalui program kesedaran antara sekolah.

Sebagai permulaan, kempen diadakan di Sekolah Sri Bestari, Bandar Sri Damansara dengan penyertaan lebih 400 pelajar dan guru.

Kembang TVET ke peringkat IPT

SHAH ALAM - Perubahan besar-besaran perlu dibuat terhadap pendidikan latihan teknikal dan vokasional (TVET) memastikan bidang itu terus berdaya maju, kata ahli parliment Gombak.

Justeru, Dato' Seri Amirudin Shari menyarankan kajian perlu dibuat meliputi keseluruhan keperluan TVET supaya ia dikembangkan ke peringkat universiti dalam pengkhususan bidang itu.

Beliau berkata perubahan tersebut sewajarnya dibuat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui peruntukan se-ada seterusnya membina kecermerlangan dalam bidang berkenaan.

"Sebagaimana di Jerman, ia boleh diperlakukan dengan melahirkan pusat kecermerlangan yang mengkaji keseluru-

han keperluan bidang teknikal dan vokasional.

"Mereka ada Technical Universiti of Munich yang khusus untuk graduan sampai ke tahap masters (ijazah sarjana) dan doktor falsafah (PhD)," katanya di Dewan Rakyat pada 28 Mac.

Amirudin berkata universiti awam di negara ini juga harus membina keutamaan yang memberi imej sepadan dengan kepakaran yang disediakan institusi pendidikan tersebut.

"Contohnya, saya graduan Universiti Putra Malaysia yang terkenal dengan veterinar dan pertanian.

"Ia (TVET) harus dikembangkan universiti lain dan kajian yang digembung di sana (universiti) harus tumpu kepada

'niche' (keutamaan) di samping tidak melupakan bidang lain," katanya.

Amirudin pada 22 Mac lalu menggesa Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) mengatasi masalah peluang kerja tidak sepadan yang ketara menerusi perkongsian data semua pihak.

"Ada keperluan perkongsian data dan maklumat daripada kementerian dan agensi demi menjamin kelangsungan serta keupayaan menghasilkan tenaga pekerja mencukupi untuk setiap bidang."

"Inilah dilema di negeri-negeri. Apabila pelaburan diluluskan, harus disertakan apakah keperluan tenaga kerja yang perlu diisi," katanya.

Jamin bekalan ayam, telur cukup

Harga siling kekal hingga selepas raya

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) memutuskan untuk mengekalkan harga siling ayam dan telur sehingga selepas perayaan Aidilfitri.

Menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub turut memberi jaminan bekalan ayam dan telur mencukupi serta dijual mengikut harga siling sepanjang tempoh berkenaan, lapor Bernama.

Beliau berkata KPDN juga akan melakukan pemantauan setiap hari sepanjang Ramadan bagi memastikan tiada kenaikan harga.



"Kerajaan tidak bercadang untuk mengangkat (naikkan) harga siling, ini kita telah putuskan dalam Kabinet.

"Pasukan KPDN dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) juga telah mengadakan libat urus, dan setakat ini kita memberikan jaminan bekalan (ayam dan telur) mencukupi dan ia dijual pada harga siling yang telah ditetapkan," katanya pada 1 April.

Salahuddin berkata pemain industri juga memberi jaminan dan sedia membuat lebihan pengeluaran dua barang asas berkenaan pada

bulan Ramadan berikutan peningkatan permintaan.

"Saya diberitahu bahawa bekalan (telur dan ayam) akan meningkat pada Ramadan dan Aidilfitri, saya juga telah berjumpa dengan pemain industri dan mereka memberikan jaminan dan bersedia untuk membuat lebihan pengeluaran, jadi itu satu jaminan yang diberikan kepada KPDN," katanya.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata harga siling runcit semasa ayam adalah RM9.40 sekilogram, manakala harga telur bagi gred A pada 45 sen sebijji, gred B (43 sen sebijji) dan gred C (41 sen sebijji) masing-masing di Semenanjung.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

SERTAI LEBIH 1 JUTA KOMUNITI DIGITAL MEDIA SELANGOR



MediaSelangor



Selangor Journal



Selangor TV



mediaselangor



t.me/MediaSelangor



Selangor TV



Media_Selangor



Media Selangor Sdn Bhd

Layari portal berita
selangorkini.my

hari ini untuk kemaskini berita khusus untuk warga Selangor

MediaSelangor



CERIA... EXCO Hal Ehwal Pengguna Mohd Zawawi Ahmad Mughni (tengah) mendekati peniaga selepas merasmikan Program Murnikan 3R di bulan Ramadan anjuran Majlis Perbandaran Kuala Langat di bazar Ramadan Banting pada 29 Mac. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Anjur program moreh

Elak bazir juadah tidak terjual

Oleh DIANA ABD WAHAB

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melancarkan program 'Moreh@PJ Love You' bagi menangani lambakan makanan yang tidak habis dijual di bazar Ramadan.

Datuk Bandarnya Mohamad Azhan Md Amir menjelaskan inisiatif tersebut dijayakan dengan kerjasama peniaga dan pengurusan masjid.

"Kita dapatkan bekalan makanan daripada usahawan bazar Ramadan dengan mohon sedikit peruntukan daripada jualan mereka untuk diagih



kepada lima masjid dalam program ini.

"Untuk permulaan, kita kumpul makanan dan serahkan bakul moreh kepada Masjid As-Salam, Taman Sri Manja sebelum diteruskan ke masjid lain sepanjang Ramadan," katanya pada 30 Mac.

Selain mengelak pembaziran makanan, Mohamad Azhan berkata program itu juga tanda kasih sayang menerusi perkongsian dengan semua penduduk yang memerlukan di Petaling Jaya.

Sementara itu, Biro Pembangunan Masjid As-Salam Hamzah Arif yang menerima bakul moreh memuji usaha MBPJ.

MPS kutip cukai RM41 juta

GOMBAK - Sebanyak RM41 juta cukai taksiran semasa 2023 dikutip Majlis Perbandaran Selayang (MPS) setakat 28 Februari.

Timbalan Yang Dipertua Adi Faizal Ahmad Tarmizi berkata jumlah itu 72.06 peratus daripada sasaran kutipan semasa tahun ini iaitu RM57 juta.

"MPS juga mengutip RM3.6 juta atau 30.12 peratus tunggakan cukai taksiran dalam tempoh sama."

"Jumlah keseluruhan tunggakan cukai taksiran

yang perlu dikutip ialah RM12 juta," katanya dalam Mesyuarat MPS pada 31 Mac.

Menjelaskan bayaran boleh dibuat melalui portal MyMPS, Lazada, Shopee dan Cepat sejak Januari, beliau berkata MPS juga mengadakan kempen bayaran cukai dalam talian.

Orang ramai juga boleh berbuat demikian di kaunter bayaran di lobi Menara MPS atau kaunter cawangan MPS di Rawang, Sri Gombak dan Wangsa Permai serta kaunter bergerak.

Serah sumbangan wakaf RM32,805

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menyerahkan sumbangan tabung wakaf berjumlah RM32,805 kepada 18 sekolah di sekitar daerah itu.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan pemberian tersebut bagi membiayai yuran persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) melibatkan 1,236 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan.

"Tujuan penubuhan tabung ini selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). MPHS menumpukan tiga komponen dalam SDG iaitu tiada kemiskinan, kelaparan sifar dan pendidikan berkualiti," maklumnya pada 31 Mac.

Sumbangan boleh disalur ke akaun Tabung Endowmen 111000937057 (Bank Rakyat).

Terdahulu, sebanyak RM3,500 yuran PIBG turut disumbang kepada PIBG Sekolah Kebangsaan Sungai Choh disampaikan Yang Dipertua (YDP) MPHS Mohd Hasry Nor Mohd kepada YDP PIBG sekolah berkenaan Mohd Hafiz Maarof pada 29 Mac.

Bazar Jalan Taiping hingga 21 April

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) menyediakan 293 petak gerai bazar Aidilfitri di Jalan Taiping di sini pada tahun ini.

Yang Dipertua MPK Noraini Roslan berkata peniaga boleh beroperasi mulai 1 hingga 21 April selepas undian petak dibuat dalam talian pada 21 Mac.

Bagi bazar Ramadan, sebanyak 2,269 tapak disediakan membabitkan 40 lokasi dan beroperasi sehingga 21 April.

Lokasi bazar Ramadan antaranya di Jalan Kota Raja (Klang Selatan), Taman Pandamaran Indah 2 (Pandamaran), Kampung Tok Muda (Kapar), Jalan Paip, pekan Meru, Bandar Sultan Sulaiman, Klang Utara dan Flat Samudera, Pulau Indah, Pelabuhan Klang.

Noraini juga menjelaskan MPK turut menganjurkan bazar Ramadan berkonsep bebas beg plastik di Taman Awam Pangkalan Batu, Klang.

KENDERAAN TENDER		
BIL.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000014171	EXTERNAL ELECTRICAL WORKS FOR BUKIT NANAS, AMPANG INTAKE, CHERAS MILE 11 AND SG. SERAI WTPs
2.	PN0000014172	SUPPLY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF STREET LIGHTINGS AT SG LANGAT DAM

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists>. Sertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.

RM30 juta bantu persiapan asnaf

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagih bantuan RM30.1 juta kepada 64,819 keluarga asnaf sebagai persiapan Ramadan dan Syawal.

Agihan yang bermula 21 Mac membabitkan 18,550 penerima asnaf fakir, miskin (41,770) dan mualaf (4,499).

"Setiap penerima mendapat bantuan zakat antara RM300 hingga RM1,000 berdasarkan kepada jumlah tanggungan sebuah keluarga.

"Bantuan mula dikredit ke akaun bank penerima atau menggunakan kaedah bau-car tunai mahupun serahan tunai," kata kenyataan pada 29 Mac.

LZS memaklumkan Petaling mencatatkan jumlah agihan tertinggi melibatkan RM5,593,750 kepada 11,799 asnaf.

Manfaat khidmat pinjam komputer

SHAH ALAM - Seramai 175 peminjam memanfaatkan Skim Pinjaman Teknologi Asas Selangor (SEPINTAS) anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

Pegawai Teknologi Maklumat PPAS Haiziah Abu berkata 121 orang meminjam komputer riba manakala komputer

meja (54) di seluruh negeri setakat ini.

"Petaling dan Kuala Selangor mencatat jumlah peminjam tertinggi iaitu masing-masing 32 orang manakala peminjam terendah di Kuala Langat iaitu sembilan orang," katanya pada 1 April.

Pada 1 Mac, PPAS mengumumkan lanjutan tempoh pinjaman komputer

riba dan komputer meja dari 60 hari (dua bulan) kepada 180 hari (enam bulan).

Pinjaman boleh dilakukan melalui 50 cawangan PPAS melalui permohonan pendaftaran menerusi pautan [www.ppas.gov.my/form_sepintas](http://ppas.gov.my/form_sepintas) melibatkan 10 unit komputer meja dan 10 unit komputer riba.

Inisiatif untuk B40, M40

Pelepasan yuran asas 3,000 pelajar

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Seramai 3,000 pelajar Universiti Selangor (Unisel) bakal menikmati pelepasan yuran asas RM500 pada tahun ini.

Naib presiden dan timbalan naib canselor (pembangunan pelajar dan jaringan komuniti) berkata 2,000 daripadanya pelajar baharu yang menyambung pengajian untuk sesi April, Julai dan November.

Prof Madya Dr Hamdan Mohd Salleh menjelaskan bakinya pelajar lama yang mengikuti pengajian peringkat asasi hingga doktor falsafah.

"Berdasarkan bajet tahun ini, kita anggar 2,000 pelajar baharu dapat manfaat tetapi kita masih ada lebih peruntukan tahun lepas untuk 1,000 pelajar.

"Tahun ini, pelajar baharu yang



endaftar masuk ke Unisel akan disertakan pautan permohonan yuran asas pengajian," katanya pada 29 Mac.

Beliau berkata program Bantuan Yuran Asas Universiti (BAYU) memudahkan pelajar dan meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah (B40) serta se derhana (M40).

"Inisiatif ini ditawarkan kepada B40 dan M40, namun fokus kita kepada B40 memandangkan 64 peratus pelajar Unisel terdiri daripada golongan ini.

"Jadi ia sudah tentu memudahkan pelajar kerana kos pendaftaran di universiti lain agak mahal berbanding Unisel. Pelajar cuma perlu bayar yuran penginapan sahaja," katanya.

Program BAYU ialah pelepasan bagi yuran asas ditawarkan Kerajaan Negeri kepada pelajar Unisel dan Universiti Islam Antarabangsa Selangor dengan peruntukan RM4 juta.

KSSB bantu Orang Asli

SHAH ALAM - Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) mengagih bantuan persekolahan RM50,000 kepada 600 Orang Asli di Selangor tahun ini.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporatnya berkata sumbangan kelengkapan antaranya beg, botol minuman, bekas pensel dan alat tulis bagi meringankan beban ibu bapa pelajar dari enam kawasan.

"Aktiviti menyulur bantuan kepada Orang Asli jadi rutin tahunan KSSB kerana prihatin dengan mereka yang berada berdekatan dengan tapak operasi.

"Walaupun sesi persekolahan sudah seminggu berjalan, diharap bantuan ini melegakan ibu bapa pelajar berkenaan," kata Suhaimi Khalidi pada 28 Mac.

Agihan bantuan di enam kawasan



membabitkan Kampung Orang Asli Pulau Kempas, Sekolah Kebangsaan Orang Asli Bukit Cheding dan Kampung Orang Asli Bukit Serdang.

Kawasan lain Kampung Orang Asli Bukit Tadom, Kampung Orang Asli Kuala Garing dan Sekolah Agama Rakyat (Kafa Integrasi) Al Ridzuan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif KSSB Abdul Rahman Ishak berkata syarikat itu berusaha mengimbangi pertumbuhan perniagaan dan pembentukan nilai masyarakat.

"Menjadi aspirasi asas KSSB untuk merangsang pembangunan sosioekonomi yang berterusan dengan memberi penekanan kepada pendidikan, pembangunan masyarakat dan alam sekitar," katanya.

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/KEJ/46/2023	CADANGAN KERJA-KERJA PENGANTIAN KABEL BAWAH TANAH BAGI SISTEM LAMPU AWAM SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI SEPANJANG PERSIARAN CYBERPOINT SELATAN, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 @ G4 Kategori ME E04, E06, E11, E16 & E17 DAN UPEN	RM 200.00
2.	T/MPSepang/KEJ/49/2023	CADANGAN KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI JALAN PUCHONG BERMULA DARI LAMPU ISYARAT PERSIMPANGAN NUSAPUTRA KE LAMPU ISYARAT PERSIMPANGAN BANGUNAN LBS SKYLAKE RESIDENCE, PUTRA PERDANA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM 200.00
3.	T/MPSepang/KEJ/50/2023	CADANGAN KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI LALUAN ENTRANCE PINTU MASUK ORANG AWAM, JALAN ALAM PUTRA 5, JALAN ALAM PUTRA 6, DAN JALAN ALAM PUTRA 7, ALAM SANCTUARY @ TAMAN ALAM PUTRA, SERI KEMBANGAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM 200.00
4.	T/MPSepang/KEJ/51/2023	CADANGAN KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN PERSIARAN SEPANG HADAPAN LAMAN VIEW KE PERSIARAN APEC, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM 200.00
5.	T/MPSepang/KEJ/52/2023	CADANGAN KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MAWAR 5C, JALAN MAWAR 6C, JALAN MAWAR 13C, JALAN MAWAR 14C, JALAN MAWAR 15, JALAN MAWAR 16C DAN JALAN MAWAR 17C DI TAMAN MAWAR BBST UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM 200.00
6.	T/MPSepang/KEJ/53/2023	CADANGAN KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG SERTA KERJA BERKAITAN DI JALAN 1, JALAN 10, JALAN 11, DAN JALAN 12, TAMAN KOSMOPLEKS, BANDAR BARU SALAK TINGGI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM 200.00
7.	T/MPSepang/KEJ/54/2023	CADANGAN KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG SERTA KERJA BERKAITAN DI JALAN PERSIARAN SEPANG TIMUR, PANTAI SEPANG PUTRA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM 200.00
8.	T/MPSepang/KEJ/55/2023	CADANGAN KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG SERTA KERJA BERKAITAN DI JALAN CERMAL 1, DAN JALAN CERMAL 2, TAMAN TELUK MERBAU, TANJONG SEPAT UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM 200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> atau di kaunter pada waktu pejabat di Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **10 April 2023** hingga **8 Mei 2023** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penaruh di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran dibuat secara atas talian melalui FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draft yang berpalang atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampaikan surat bermeteri dengan menulis No. Tender di sebelah sudut kiri sampaikan dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **8 Mei 2023**.

4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.



SEMANGAT... Pelumba jet ski negara Muhammad Arief Rayhan Mohd Rasis (tengah) giat berlatih bersama rakan sepasukan di Tasik Biru Kundang, Gombak pada 31 Mac. Jet ski dipertandingkan pertama kali di Sukan SEA Kemboja pada 13 hingga 16 Mei. Foto Facebook Olympic Council of Malaysia

Naik kedudukan kedua Liga Super

Selangor FC bangkit raih tiga mata

Oleh AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Tandukan lewat permainan Sharul Nazeem Zulpakar melenkapkan kebangkitan bergaya Selangor FC ketika menewaskan Negeri Sembilan FC 2-1 di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 3 April.

Ketinggalan pada penghujung babak pertama menerusi jaringan penalti Herold Goulon, skuad kendalian

Tan Cheng Hoe menyusun kembali permainan di babak kedua dan menyamakan kedudukan 1-1 menerusi Mohamad Faisal Abdul Halim.

Jaringan yang menewaskan penjaga gol Negeri Sembilan FC Sikh Izhan pada minit ke-56 itu menyemarakkan lagi semangat Red Giants untuk memburu gol kemenangan.

Selangor FC terlepas peluang keemasan untuk mendahului perlawan menerusi percubaan pemain

gantian Muhammad Mukhairi Ajmal Mahadi yang terkena palang pada minit ke-64.

Menuju masa kecederaan Sharul Nazeem muncul wira pasukan selepas menanduk masuk sepakan percuma Yohandry Orozo sekali gus membantu Selangor FC mencatat kemenangan kelima Liga Super musim ini.

Kejayaan itu meletakkan mereka berada di tangga kedua liga dengan 16 mata selepas tujuh perlawan.

Peluang skuad B-17 ke Piala Dunia

SHAH ALAM - Skuad bola sepak Bahaw 17 tahun (B-17) negara diundi dalam kumpulan A bersama dua pasukan ASEAN bagi Piala Asia B-17 2023 yang berlangsung pada Jun.

Malaysia yang berpeluang ke suku akhir bakal bertemu tuan rumah Thailand, Yaman dan Laos dalam kumpulan sama, lapor Bernama.

Kumpulan B pula menyaksikan saingan sengit Korea Selatan, Qatar, Iran dan Afghanistan yang turut memburu tempat ke Piala Dunia B-17 di Peru hujung tahun ini sebagai wakil Konfederasi

Bolasport Asia (AFC).

Kumpulan C pula menyaksikan pasukan China, Arab Saudi, Australia dan naib juara edisi lepas, Tajikistan manakala juara bertahan Jepun dalam Kumpulan D bersama-sama Vietnam, India dan Uzbekistan.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Harimau Muda Osmera Osmoro berkata anak buahnya tidak mengambil mudah saingan dalam kumpulan A khususnya Thailand yang ada kelebihan beraksi di tempat sendiri.

"Saya juga tahu pasal Yaman, mereka

sangat mengagumkan semasa kelayakan. Laos memang pasukan yang akan buat orang susah kerana dia (emain Laos) punya disiplin permainan yang baik.

"Kita selesa main dengan pasukan Asia dan Asia Tenggara. Jadi, kita ada peluang yang baik, kita kena ambil kesempatan undian ini dan cuba melangkah sejauh yang boleh," katanya pada 30 Mac.

Pencapaian terbaik skuad B-17 negara mara ke suku akhir pada 2014 sebelum tumpas 1-2 kepada Australia.

Damok kutip lima mata di Argentina

SHAH ALAM - Pelumba Moto3 negara Syarifuddin Azman meraih lima mata pertama Kejuaraan Motosikal Dunia selepas memperoleh kedudukan ke-11 di Grand Prix Argentina pada 2 April.

Bermula di petak ke-20, beliau yang lebih dikenali sebagai Damok menamatkan perlumba di Litar Termas de Rio Hondo dalam masa 35 minit dan 32.132 saat (s).

"Dengan keadaan litar yang agak basah, saya akui agak sukar dengan keadaan yang agak licin dan beberapa pelumba di hadapan saya terjatuh membuatkan ia bertambah sukar.

"Saya amat gembira kerana dapat menghabiskan perlumba sekali gus meraih tempat ke-11. Ini adalah kali pertama saya berlumba di trek ini," katanya.

Pelumba Jepun Tatsuki Suzuki menjurai pertandingan diikuti Diogo Moreira dari Brazil dan Andrea Migno dari Itali (ketiga).

Amer sedia harungi Go-Kart Jerman

SHAH ALAM - Persediaan pelumba go-kart negara Amer Harris Jefry sebelum beraksi pada Siri Kejuaraan Go-Kart Jerman (DKM) berjalan lancar apabila menjuarai Cabaran Rotax Max Thailand 2023 pada 2 April.

Bapanya Jefry Talib berkata perlumba di Litar Bira Pattaya Thailand dianggap permasalahan sebelum beraksi pada 21 April bersama pasukan Factory Team Sodi, lapor Berita Harian.

"Ini boleh dianggap sebagai sebahagian persiapan untuk Amer sebelum dia bersaing dalam perlumba DKM yang akan berlangsung dalam tempoh dua minggu lagi.

"Kejayaan di Thailand ini menjadi pembakar semangat buat Amer untuk memperbaiki prestasi terbaik sekali gus menghasilkan keputusan yang positif dalam perlumba di Jerman nanti," katanya.

Syor sedia pasukan sains sukan

SHAH ALAM - Ratu terjun negara berharap program Road to Gold (RTG) akan menyediakan pasukan khidmat sokongan sains sukan secara konsisten dalam usaha memburu pingat di Sukan Olimpik Paris 2024.

Datuk Pandelela Rinong berkata beliau mendapat khidmat pasukan yang baik ketika memenangi pingat di Olimpik London 2012 dan Rio 2016, lapor Berita Harian.

"Saya harap pasukan khidmat sokongan sains sukan ini akan lebih konsisten... jangan sekejap ada, sekejap tiada."

"Kalau boleh saya harap ia kembali diletakkan secara tetap bersama atlet seperti yang dilakukan ketika persiapan bagi menghadapi Olimpik London 2012 dan Olimpik Rio 2016," kata Pandelela.

**NG SUEE LIM
Sekinchan**

mengedarkan kurma kepada pengunjung di bazar Ramadan Tanjong Karang

**HASNUL BAHARUDDIN
Morib**

memberi juadah berbuka kepada penduduk Kampung Seri Jugra, Kuala Langat

**RODZIAH ISMAIL
Batu Tiga**

mengagihkan paket sahur kepada anggota balai bomba Seksyen 15, Shah Alam

**SAARI SUNGIB
Hulu Kelang**

berbuka bersama kariah Masjid Lama Al-Hidayah, Taman Melawati, Gombak

**JUWAIRIYA ZULKIFLI
Bukit Melawati**

menyampaikan baucar Jom Shopping Raya kepada 550 keluarga di Kuala Selangor

**SHAMSUDIN LIAS
Sungai Burong**

menyertai program bubur lambuk Kampung Kunci Air Buang, Kuala Selangor

**ROZANA ZAINAL ABIDIN
Permatang**

menyerahkan sumbangan kepada wakil Masjid Sungai Terap, Tanjung Karang

**JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama**

menyumbangkan kerusi roda kepada balai polis di Petaling Jaya

Agih bubur lambuk di Klang

KLANG - Lebih lapan program dijalankan bagi membantu pelbagai golongan sempena sambutan Ramadan, kata Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning.

V Ganabatirau menjelaskan pihaknya mengagih bubur lambuk kepada penduduk sekitar



Sri Muda dan Klang dengan kerjasama Wanita Berdaya Selangor.

"Kita juga akan memberi sumbangan kepada surau dan masjid bagi membantu baiki prasarana," katanya yang juga EXCO kebajikan masyarakat dan ahli parlimen Klang pada 30 Mac.

Hama, tanah jerlus rosak pertanian

Pesawah terima bantuan RM200

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Lebih 100 pesawah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabak yang terjejas akibat ancaman hama menerima bantuan RM200.

Wakil rakyatnya Ahmad Mustain Othman menjelaskan mereka turut menerima insentif pembelian barang pertanian dan benih padi.

"Perkara ini (ancaman hama) berlaku setiap 12 musim lalu bersamaan enam

tahun. Setiap tahun, hasil padi di sini akan menurun.

"Sebelum ini, kita boleh dapat purata sembilan tan setiap musim, tetapi tahun ini buat pertama kali tiada hasil langsung," katanya pada 27 Mac.

Ahmad Mustain menambah pesawah turut berdepan kewujudan tanah jerlus di 62 lot sawah yang dipercayai berpunca daripada perubahan cuaca.



Katanya, kebanyakan pesawah enggan meneruskan lagi kegiatan pertanian dan beralih mengusahakan rumah inap desa di tanah berkenaan yang memberi keuntungan lebih lumayan.

"Tetapi bagaimana pula petani miskin dan tiada sumber pendapatan lain? Saya bimbang masalah ini melarat. Saya berharap Kerajaan Negeri membantu menyelesaikan isu ini," katanya.

Dapur usahawan digital bantu keluarga

SHAH ALAM - Keluarga berpendapatan rendah (B40) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pandamaran berpeluang menjana pendapatan menerusi program dapur usahawan digital.

Wakil rakyatnya Tony Leong Tuck Chee menjelaskan program dengan kerjasama Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) turut membantu individu hilang pekerjaan.



"Inisiatif dengan kerjasama Hijrah berkonsep pemberian bantuan kelengkapan bahagian mentah, kelas masakan dan kaedah menggunakan aplikasi penghantaran makanan."

"Kerajaan Negeri sediakan platform ini (aplikasi penghantaran makanan), selebihnya kita sediakan bahan mentah."

"Mereka hanya masak di rumah dan

penghantar makanan akan ambil pesanan untuk hantar kepada pelanggan," katanya pada 29 Mac.

Tuck Chee memohon ketua kampung untuk mengenal pasti keluarga yang layak bagi mencapai sasaran penyertaan 500 individu dalam program itu.

"Saya sudah memanggil semua ketua kampung sebab kita mahu ketua kampung terlebih dahulu memahami konsep yang ingin dilaksanakan."

Dana Ramadan RM34,000

SUBANG JAYA - Sebanyak RM34,000 disediakan untuk sumbangan program Ihya' Ramadan kepada surau dan masjid sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara.

Wakil rakyat Ng Sze Han menjelaskan 30 masjid menerima bantuan RM2,000 setiap satu manakala surau (RM1,000) bagi menjayakan kegiatan agama sepanjang Ramadan.

"Sumbangan berkala turut diberi kepada surau yang memohon untuk tambah baik atau baik pulih kemudahan seperti baiki bumbung."

"Saya akan beri sumbangan mengikut keperluan yang diminta dan berdasarkan keupayaan (peruntukan) yang saya ada," katanya pada 30 Mac.

RM31,950 untuk aktiviti masyarakat

SHAH ALAM - Sebanyak RM31,950 disumbang kepada institusi, pertubuhan, persatuan dan individu di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Ramal untuk penganjuran pelbagai program pada tahun ini.

Wakil rakyat Mazwan Johar menjelaskan sumbangan berkenaan disampaikan kepada 11 penerima untuk menjayakan kegiatan berkenaan.

"Penerima termasuk daripada persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), persatuan penduduk dan masyarakat, kelab sukan serta pertubuhan bomba sukarela dan penyelamat."

"Turut disampaikan sumbangan kewangan untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi," katanya.

Baucar RM100 buat 340 penduduk

SHAH ALAM - Lebih 340 penghuni Pangaspuri Sri Aman, Petaling Jaya menerima baucar beli-belah bernilai RM100 sumbangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kampung Tunku pada 25 Mac.

Wakil rakyatnya Lim Yi Wei berkata program itu dianjurkan kali ketiga sejak 2019 dengan kerjasama ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya zon 19 Nalina Nair.

"Kita sedar ramai keluarga kurang kelebihan tinggal di sini, kami jadikan program bantuan ini sebagai program tahunan."


"Sumbangan ini kita buat untuk semua keluarga tanpa mengira kaum dengan menggunakan peruntukan saya dan ahli majlis," katanya.

Beliau berkata hebat dan promosi mengenai Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) kepada penduduk turut dibuat.

AHLI DEWAN NEGERI PELABUHAN KLANG **AZMIZAM ZAMAN HURI**

- **Umur:** 50 tahun
- **Falsafah hidup:** Pasti ada cara atau langkah positif untuk menghadapi sesuatu masalah
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Pegawai penyelaras DUN Pelabuhan Klang

- **Alamat pejabat ADN:** No 60 Jalan Permai 1B, Taman Pendamaran Permai, 42000 Pelabuhan Klang
- **Nombor telefon ADN:** 03-3162 5083, 017-243 4200
- **Facebook:** Pusat Khidmat Rakyat N46 DUN Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri
- **E-mel:** prazmizam@gmail.com



Rakam kenangan raya di Taman Botani

SHAH ALAM - Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) mempelawa orang ramai untuk merakam kenangan sempena Aidilfitri di kawasan agro pelancongan itu.

Menurut pengurusan taman tersebut, tempahan bagi lokasi fotografi dan penggambaran kategori bukan komersil termasuk lima lokasi rumah tradisional dibuka sehingga 30 April.

"Dengan tempahan hanya RM250 sahaja, anda boleh merakamkan gambar-gambar menarik di sekitar Perkampungan Idaman TBNSA," kata kenyataan.

TBNSA menawarkan lima lokasi rumah tradisional dengan seni bina dan ukiran menarik iaitu Rumah Johor, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

Sebarang pertanyaan dan tempahan, hubungi 03-5510 6922 atau emel kepada tbnса@mafs.gov.my

Rumah Terbuka sembilan daerah

SHAH ALAM - Program Jelajah Kita Selangor Aidilfitri akan dijalankan meliputi semua sembilan daerah di negeri ini sepanjang Syawal.

Jelajah kebajikan fasa dua yang merangkumi Rumah Terbuka Aidilfitri dan Rewang Sekampung bakal dihadiri Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan pimpinan negeri.

Program itu kesinambungan fasa pertama Jelajah Kita Selangor Penyayang (JKSP) yang bertujuan mendekati dan menghulur sumbangan kepada penduduk setempat bermula di Klang pada 18 Februari.

Pelbagai acara turut dirancang sepanjang program antaranya pameran, dialog awam, sukan rakyat dan jualan murah.

Jom daftar skim bantuan tadika

SHAH ALAM - Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) mengajak orang ramai mendaftar Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) bagi sesi 2023 yang dibuka sejak 3 April.

Menurut YAWAS, skim berkenaan menawarkan subsidi yuran RM50 sebulan kepada pemohon yang layak.

Bantuan yuran bukan dalam bentuk wang tunai sebaliknya disalur terus kepada tadika berdaftar. Senarai tersebut dipapar menerusi pautan tunasv2.yawas.my/admin/list_tadika.php

Untuk mendaftar layari tunas.yawas.my/. Sebarang pertanyaan, hubungi 03-5481 8800 atau layari laman sosial Facebook dan Instagram Yawas serta YouTube Yawas TV.



GIGIH... Pemain Selangor FC Mohamad Faisal Abdul Halim (tengah) melepasi kawalan pemain Negeri Sembilan FC Levy Clement Mandinda dalam perlawanan ketujuh Liga Super di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 4 April. Red Giants menang 2-1. Foto BERNAMA ►BERITA MUKA 21

Gambaran kesetiaan isteri

Siti teruja dendang lagu filem Anwar

SHAH ALAM - Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin teruja dipilih menyanyikan lagu runut buni (OST) filem Anwar, The Untold Story yang mengisahkan ranjau politik Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut penyanyi tersohor itu, mesej cinta, kesetiaan dan pengorbanan wanita menggamitnya untuk menyanyikan lagu 'Menjaga Cintamu' ciptaan Andi Rianto dan lirik oleh Sekar Ayu Asmara.

Beliau menambah lagu tersebut menggambarkan kesetiaan dan pe-



ngorbanan isteri perdana menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang menjadi tulang belakang kejayaan Anwar.

"Saya terima tawaran menyanyikan lagu Menjaga Cintamu kerana yakin dengan kekuatan lagu ini. Ia bukan hanya gambaran kesetiaan Dr Wan Azizah, tetapi secara amnya, untuk wanita yang setia mencintai pasangan."

"Saya amat tertarik dengan mesej dalam lagu ini. Saya faham lirik lagu Menjaga Cintamu ini lebih kepada pengorbanan seorang isteri dan cinta

yang tiada tolok bandingan," katanya seperti dilapor Berita Harian.

Filem itu yang mendapat sentuhan pengarah Indonesia Viva Westi mengisahkan kehidupan sebenar Anwar sejak menjadi menteri kewangan sejak 1991 hingga dipecat pada 1998.

Farid Kamil Zahari dan Hasnul Rahmat antara pelakon tempatan manakala bintang Indonesia ditarik Acha Septriya, Piet Pagau dan Dewi Irawan.

Farid memegang watak sebagai Anwar manakala Acha Septriya (Dr Wan Azizah). Penggambaran membabitkan kos RM10 juta dijalankan di kedua-dua negara itu.

Berbuka sambil melawat SFV

SHAH ALAM - Selangor Fruit Valley (SFV) di Bestari Jaya menawarkan paket lawatan dan berbuka puasa sepanjang sambutan Ramadan.

Penolong Pengurusnya Norfaizul Hamzah menjelaskan tawaran paket berkenaan bernilai RM55 untuk dewasa dan kanak-kanak (RM40).

"Melalui pakej ini, pengunjung dibawa melawat sekitar SFV sebelum dibawa ke pavilion untuk berbuka puasa."

"Pengunjung dihidang 12 jenis lauk, pencuci mulut dan pelbagai buah-buahan," katanya pada 1 April merujuk paket lawatan dan berbuka puasa bermula 4 petang setiap hari kecuali Jumaat.

Pengunjung yang berminat untuk membeli pakej itu perlu membuat tempahan dengan menghubungi 019-320 0159 (Faizul) atau 016-281 6884 (Shida).

"Kami juga mengalau-alukan individu yang ingin membeli pakej ini bagi menaja lawatan dan berbuka puasa untuk anak-anak yatim," katanya.